POLITEKNIK MALAYSIA
SANDAKAN

Buletin TINTA PSS

Politeknik Sandakan Sabah









eISSN 3009-1861

EDISI 4 /2025

BULETIN TINTA PSS

EDISI KE-4
JANUARI - JUN
2025

POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
EDUCATION HUB
BATU 10, JALAN SUNGAI BATANG
90000 SANDAKAN
SABAH



DITERBITKAN OLEH:

POLITEKNIK SANDAKAN SABAH,
EDUCATION HUB,
BATU 10, JALAN SUNGAI BATANG,
90000 SANDAKAN, SABAH.

089-228351

089-228325

http://pss.mypolycc.edu.my

Politekniksandakansabah

HAK CIPTA TERPELIHARA

Sebarang penerbitan semula buletin ini di dalam apa jua bentuk adalah TIDAK DIBENARKAN kecuali dengan kebenaran bertulis daripada pihak Politeknik Sandakan Sabah

PENAFIAN

Segala pendapat, pendirian yang disuarakan dan dinyatakan adalah merupakan pengetahuan dan pendapat peribadi penulis serta tidak melibatkan mana - mana pihak. Pihak penerbit tidak akan bertanggungjawab sekiranya berlaku sebarang kesilapan atau pelanggaran.

e-Buletin boleh diakses secara percuma melalui laman *web* **KOLEKSI PERPUSTAKAAN DIGITAL PSS:**
https://fliphtml5.com/bookcase/fmbei

SIDANG REDAKSI

Penaung EN. MOHD SAHRAN @ AWANG BIN MOHIDIN
Pengarah Politeknik Sandakan Sabah

Penasihat EN. MOHD SAIFUL FADLI BIN MAIDIN

Ketua Editor EN. IRWANDIH BIN MAT JAILI

Penolong Editor PN. JANILYN BINTI SALCEDO

Pegawai Perhubungan Awam PN. SITI SAFIAH BINTI MADRI

Sidang Editorial
TS. IMRAN AFFANDI BIN BAKI
PN. HAZZA ROSHADA BINTI RAMLI
EN. JULAINUS JIUN
PN. NUR AMEERAH BINTI AHMAD
PN. NORSYAFIQA BINTI SUHAIMI
EN. EFFANDY BIN MASALLEH
PN. AZLINAWATI BINTI ALIDIN
PN. SITI SAFIAH BINTI MADRI
EN. MUHAMAD AMIRUL AIMAN BIN MOHD AZAM
PN. ERDAH BINTI SAMINO
PN. ALNAH BINTI AWANG
DR. JOANNA W DOINSING
PN. SUPIAH BINTI BADARODIN
TS. TONY ONTOK
PN. NUR ISMAYANTI BINTI ISMAIL
EN. MOHD FARHAN BIN JAMALUDIN
PN. NUR SAMAHAH BT MOHD ZAINUAL @ ZANUAR
PN. MUNIRAWATY BINTI UNDANG
EN. SAMSUR BIN NONGKANG
EN. MOHD HAFIZZIE BIN HAJINI
PN. SITI NORISIKIN BINTI ABAS
PN. YUSMAH BINTI AG. DAMIT
TS. AZHAR BIN AMBO
EN. MOHAMAD AZRI BIN MOHAMAD
PN. SUHADAH BINTI SUDIRMAN

Rekabentuk Buletin EN. ABDUL MUTALIB BIN MANDU
EN. MOHD HAFIZZIE BIN HAJINI

ISI KANDUNGAN

Perutusan Pengarah 1

Tinta Aluan Ketua Editor 2

Program Jabatan / Unit 3

Berita Perkhidmatan 88

Sumbangan Penulisan 93

Keratan Akhbar 102

Lensa PSS 106

Terima Kasih 111

PERUTUSAN PENGARAH

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, Buletin Tinta Politeknik Sandakan Sabah (PSS) edisi ke-4 kini berjaya diterbitkan secara digital.

E-Buletin ini merupakan platform penting dalam usaha kita untuk berkongsi maklumat terkini dan pencapaian. Di samping itu, e-Buletin ini juga mampu menjadi wadah untuk memaparkan imej PSS kepada komuniti di luar sana, bahwa PSS adalah sebuah institusi yang dinamik dan sentiasa relevan dalam arus pendidikan teknikal dan vokasional.

Penerbitan Tinta edisi ke-4 ini adalah cerminan semangat kerja berpasukan dan kolaborasi erat antara semua warga PSS. Saya berharap agar tradisi ini dapat diteruskan, dan Tinta akan terus menjadi sumber inspirasi dan maklumat yang berharga buat seluruh warga PSS.

Akhir kata, saya berharap agar semua warga PSS akan terus menyokong segala inisiatif yang dilaksanakan oleh politeknik. Marilah kita bersama-sama berganding bahu untuk mengangkat nama baik PSS ke peringkat yang lebih tinggi.

Sekian, terima kasih



Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin
Pengarah
Politeknik Sandakan Sabah

TINTA ALUAN KETUA EDITOR

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera.

Syukur alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Buletin Tinta Politeknik Sandakan Sabah (PSS) edisi ke-4 kini berjaya diterbitkan secara digital.

Penerbitan Tinta kali ini bukan sahaja mencerminkan semangat kolaborasi yang utuh antara warga PSS, malah ia juga menjadi bukti komitmen kita dalam mendokumentasikan setiap detik dan kejayaan yang telah dicapai. Di dalam Tinta edisi ke-4 ini, kami bawakan pelbagai kisah menarik—daripada aktiviti pelajar dan staf, hingga pencapaian membanggakan dalam bidang akademik dan kokurikulum.

Ribuan terima kasih diucapkan kepada Yang Berusaha Pengarah PSS, En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, atas dorongan dan sokongan padu beliau. Penghargaan yang tidak terhingga juga buat seluruh Sidang Editorial Tinta, dan semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung. Tanpa kerjasama erat dan dedikasi anda, penerbitan ini tidak mungkin dapat direalisasikan.

Kami berharap agar Tinta edisi ke-4 ini dapat menjadi sumber inspirasi dan maklumat yang bermanfaat buat semua pembaca. Teruskan menyokong kami, dan marilah kita bersama-sama mencipta lebih banyak lagi kejayaan untuk PSS.

Sekian, terima kasih.



Irwandih bin Mat Jaili
Ketua Editor
Buletin Tinta PSS
Politeknik Sandakan Sabah

PROGRAM JABATAN/UNIT

- JABATAN AGROTEKNOLOGI & BIO-INDUSTRI (JAB)
- JABATAN PENGAJIAN AM (JPA)
- JABATAN MATEMATIK, SAINS DAN KOMPUTER (JMSK)
- JABATAN SUKAN, KOKURIKULUM DAN KEBUDAYAAN (JSKK)
- JABATAN HAL EHWAL PELAJAR (JHEP)
- UNIT LATIHAN DAN PENDIDIKAN LANJUTAN (ULPL)
- UNIT KEUSAHAWANAN
- UNIT JAMINAN KUALITI (UJK)
- UNIT PENYELIDIKAN DAN KOMERSILAN (UPIK)
- COLLABORATION, INDUSTRI SERVICES AND EMPLOYMENT CENTRE (CISEC)
- UNIT PERPUSTAKAAN
- UNIT PEPERIKSAAN
- UNIT KOLEJ KEDIAMAN PELAJAR
- UNIT TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI (UICT)
- UNIT PEMBANGUNAN INSTRUKSIONAL & MULTIMEDIA (UIDM)
- UNIT CENTRE OF AQUACULTURE TECHNOLOGY (COAT)
- UNIT KOMUNIKASI KORPORAT (UKK)



KURSUS ASAS PENGENDALIAN DRON PERTANIAN 2025 SEMPENA NATIONAL TRAINING WEEK (NTW) 2025

Oleh : Nik Salwani binti Nik Yusoff - 18 Jun 2025



Sempena sambutan National Training Week (NTW) 2025, Politeknik Sandakan Sabah telah menganjurkan Kursus Asas Pengendalian Dron Pertanian yang berlangsung dengan jayanya pada 18 Jun 2025. Kursus ini bertujuan untuk memperkenalkan asas-asas teknologi dron dalam sektor pertanian kepada peserta yang terdiri daripada warga politeknik, pelajar serta komuniti setempat yang berminat dalam bidang pertanian moden.


Seramai 19 orang peserta telah menyertai kursus ini, yang merangkumi sesi teori dan praktikal. Antara kandungan kursus termasuk pengenalan kepada jenis-jenis dron pertanian, komponen asas dron, peraturan dan garis panduan pengoperasian dron di Malaysia, serta latihan asas penerbangan dan simulasi operasi semburan menggunakan dron.



Kursus Asas Pengendalian Dron Pertanian 2025 merangkumi pengenalan komponen dron, peranan pihak berwajib seperti CAAM dan JUPEM, serta penerangan mengenai Kawasan Larangan Tempat Larangan (KLTL) dan Sasaran Penting (SP). Peserta turut diberi pendedahan terhadap undang-undang berkaitan operasi dron (Seksyen 140–144), perancangan penerbangan bagi tujuan pertanian, dan senarai racun perosak yang dibenarkan. Kursus diakhiri dengan sesi praktikal di padang yang membolehkan peserta mengendalikan dron secara langsung.

Kursus ini bukan sahaja berjaya meningkatkan kesedaran peserta terhadap peranan teknologi dalam pertanian moden, malah turut menyokong objektif NTW 2025 dalam memupuk budaya pembelajaran sepanjang hayat dan memperkasakan tenaga kerja berkemahiran tinggi sejajar dengan Revolusi Industri 4.0.

Secara keseluruhan, program ini telah menerima maklumbalas yang amat positif daripada para peserta dan mencadangkan agar kursus seumpama ini diteruskan dengan tempoh latihan yang lebih panjang serta melibatkan lebih ramai peserta di masa akan datang.


Undang-undang dan peraturan (MCAR 2016)








NTW

PROGRAM PRAKTIKAL DYQ50163 DAN DYQ50202 PELAJAR DIPLOMA AKUAKULTUR SEMESTER 5 DI SEMPORNA

Oleh : Akmal Hazreen Fizree bin Jamaludin - 10 - 14 Februari 2025



Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri telah berjaya menganjurkan Program Praktikal DYQ50163 dan DYQ50202 bermula 10 hingga 14 Februari 2025. Program penting ini berlangsung di dua lokasi syarikat utama yang merupakan rakan kolaborasi industri Politeknik Sandakan Sabah: Asia Aquaculture (M) Sdn Bhd Semporna Farm dan Jabatan Perikanan Semporna. Seramai 39 orang pelajar semester 5 Diploma Akuakultur telah menyertai program intensif ini. Mereka ditemani dan dibimbing oleh tiga orang pensyarah kursus, iaitu Ts. Azhar bin Ambo, Encik Akmal Hazreen Fizree bin Jamaludin, dan Puan Nadia Nurul Janna binti Mahmud.

Program praktikal ini memberikan pengalaman dan pendedahan secara langsung kepada para pelajar. Pelajar Semester 5 Diploma Akuakultur DYQ50163 telah mempelajari secara mendalam kaedah penternakan udang di dalam kolam HDPE (High-Density Polyethylene). Ini termasuk pendedahan kepada penyediaan kolam, pengurusan kualiti air, teknik pemakanan udang, pengenalpastian dan pengurusan penyakit, serta amalan penuaian yang betul. Mereka juga berpeluang untuk mengendalikan peralatan penternakan udang yang moden mengikut garis panduan Syarikat Asia Aquaculture.

Disamping itu, pelajar Semester 5 Diploma Akuakultur bagi kursus DYQ50202 juga terlibat dalam Program Ternakan dan Pemprosesan Rumpai Laut bersama Jabatan Perikanan Semporna. Pelajar didedahkan secara komprehensif mengenai teknik penanaman rumpai laut, kaedah penjagaan dan pemantauan pertumbuhan, proses penuaian, serta teknik pasca-tuai seperti pengeringan dan pembersihan. Program ini juga memberikan perspektif yang lebih luas tentang peranan agensi Jabatan Perikanan Semporna dalam pengurusan sumber perikanan dan akuakultur, peraturan industri, serta inisiatif pembangunan komuniti nelayan tempatan.

Secara keseluruhannya, Program Praktikal ini telah mencapai objektifnya untuk mempelajari kursus secara teori dan praktikal. Pengalaman berharga ini bukan sahaja mengukuhkan pengetahuan teknikal mereka dalam penternakan udang dan penghasilan rumpai laut, malah turut membina kemahiran insaniah seperti kerja berpasukan, penyelesaian masalah, dan komunikasi. Ia juga membuka mata pelajar kepada pelbagai peluang kerjaya yang tersedia dalam sektor akuakultur yang berkembang pesat.





PROGRAM PRAKTIKAL DYQ40182 DI INDAH JAYA RECREATION CLUB, SANDAKAN

Oleh : Muaz Baihaqi bin Mustapha - 07 Februari 2025

Program Praktikal DYQ40182 Water Safety anjuran Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri telah dijalankan pada 7 Februari 2025 di Indah Jaya Recreation Club. Program ini melibatkan 38 pelajar Semester 4 Diploma Akuakultur, diiringi oleh lima pensyarah, termasuk En. Muaz Baihaqi bin Mustapha, Pn. Hazza Roshada binti Ramli, dan En. Effandy bin Masalleh yang merupakan pensyarah kursus bagi subjek tersebut.

Sesi amali ini merupakan satu peluang penting dalam memberikan pendedahan dan pengalaman yang sangat bermanfaat kepada para pelajar melalui simulasi keadaan sebenar di kolam renang. Fokus pelajar yang tinggi sepanjang sesi amali adalah jelas, membuktikan keberkesanan pendekatan pembelajaran secara praktikal. Berbekalkan kelengkapan dan alat yang mencukupi, semua aktiviti di kolam dapat dijalankan dengan lancar dan jayanya mengikut program akademik Diploma Akuakultur. Kejayaan program ini secara langsung memberi impak pembelajaran yang berkesan dalam menyumbang kepada pencapaian matlamat utama kursus, iaitu untuk mempertingkatkan keyakinan pelajar, terutamanya dalam mengendalikan aktiviti yang berkaitan dengan air.









PROGRAM KHIDMAT BAKTI DAG 2.0 : PLANTS ARE MY THERAPY

Oleh : Muhd Syukri bin Samsuri



Pelaksanaan Program Khidmat Bakti DAG 2.0 adalah hasil kerjasama antara Politeknik Sandakan Sabah (PSS) dan Jabatan Psikiatri dan Kesihatan Mental, Hospital Duchess of Kent (HDOK). Program ini yang telah dirasmikan oleh Timbalan Pengarah Pengurusan HDOK, Puan Roslina Rosli.

Untuk makluman, Program Khidmat Bakti DAG 2.0 ini merupakan kesinambungan daripada kejayaan Program Khidmat Bakti DAG 1.0 yang telah dilaksanakan pada tahun 2023. Edisi kali ini telah disertai oleh 15 orang pensyarah dari Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (DAG), staf HDOK serta para pesakit dari Wad Psikiatri HDOK, dengan fokus kepada aktiviti terapi tumbuhan yang memberi ketenangan dan menyokong proses pemulihan kesihatan mental.

Lebih membanggakan, kolaborasi berimpak tinggi ini telah mengharumkan nama HDOK di peringkat kebangsaan apabila program Plants Are My Therapy 1.0 berjaya membantu HDOK untuk menjadi juara dalam Pertandingan Mentari Minds 2024 peringkat kebangsaan, sempena Mesyuarat Tahunan Mentari Malaysia 2024.



Aktiviti yang dilaksanakan dalam program ini merangkumi penyediaan dan penjagaan tanaman, pemindahan pokok hiasan, serta sesi perkongsian ilmu berkaitan teknik tanaman yang sesuai untuk terapi. Para peserta turut melibatkan diri secara aktif dalam menghias persekitaran wad dengan elemen-elemen semula jadi bagi mewujudkan suasana yang lebih tenang dan kondusif untuk penyembuhan.



Program ini bukan sahaja memberi ruang kepada pesakit untuk mengekspresikan diri secara positif, malah membuka peluang kepada para pensyarah dan kakitangan untuk menyumbang khidmat sosial secara langsung kepada komuniti. Ia juga merupakan platform pengukuhan hubungan antara institusi pendidikan dan sektor kesihatan dalam menyokong inisiatif kesihatan mental melalui pendekatan berasaskan alam sekitar.



Semoga program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang dan memberi lebih banyak manfaat kepada komuniti yang terlibat. Usaha berterusan ini diharap dapat menyemai nilai empati, menyokong kesejahteraan mental serta memperkasakan sinergi antara institusi dalam mendepani cabaran sosial masa kini.









CDIO PERKASA PENDIDIKAN DIPLOMA TEKNOLOGI AKUAKULTUR : PENEROKAAN ILMU DI PERAIRAN BAMBANGAN

Oleh : Hazza Roshada binti Ramli



Unit Akuakultur, Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB), Politeknik Sandakan Sabah telah berjaya menganjurkan Program CDIO : Enhancing Aquaculture Education dengan kerjasama Jeti Lagenda Bambangan, melibatkan pelajar Semester 2 Kohort Baharu Diploma Teknologi Akuakultur (DTQ). Program ini diketuai oleh Ketua Jabatan JAB, Ts. Imran Affandi bin Baki bersama barisan pensyarah Akuakultur : Pn. Hazza Roshada binti Ramli, Dr. Joanna W Doinsing, En. Jayronna bin T Johnny, Pn. Fazilah binti Abd Khair dan merupakan sebahagian daripada aktiviti Penilaian Berterusan (PB) untuk kursus :

- DYQ20263 – Live Feed Culture
- DYQ20253 – Fish Biology
- DYQ20243 – Fish Disease Management
- DYQ20233 – Water Quality and Soil Management

Pelajar peluang menjalani aktiviti pembelajaran secara langsung dan kontekstual di kawasan perairan Bambangan yang terkenal dengan kepelbagaian biodiversiti hidupan air masin. Antara aktiviti *hands-on* yang dijalankan termasuklah:

- Pengambilan dan pengenalpastian biologi sampel zooplankton dan fitoplankton
- Penilaian secara langsung parameter kualiti air seperti suhu, pH dan kekeruhan
- Pemerhatian dan pengenalpastian morfologi luaran dan dalaman ikan
- Pengecaman dan pengenalpastian penyakit ikan berdasarkan simptom dan keadaan persekitaran

Aktiviti-aktiviti ilmiah bukan sahaja memperkukuh pemahaman secara teori semasa pembelajaran di bilik kuliah, malah menggalakkan pelajar mengaplikasikan pengetahuan secara realistik, selari dengan pendekatan CDIO (Conceive–Design–Implement–Operate) yang menyokong matlamat pendidikan berasaskan hasil (OBE) dan kelestarian pembangunan insan di peringkat tempatan dan global.

Sebagai nilai tambah, pelajar turut melibatkan diri dalam aktiviti promosi Politeknik Sandakan Sabah (PSS) kepada komuniti setempat serta pengunjung di sekitar perairan Kampung Bambangan. Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) turut dilaksanakan dengan merangkumi aktiviti kebersihan dan kesedaran alam sekitar, sejajar dengan usaha membina warga politeknik yang prihatin dan bertanggungjawab terhadap kelestarian alam.

Melalui pelaksanaan program ini, para pelajar bukan sahaja memperoleh kemahiran teknikal dalam bidang akuakultur, malah dididik menjadi individu yang peka terhadap tanggungjawab sosial dan kelestarian alam sekitar. Pelaksanaan CDIO dalam konteks lapangan sebenar seperti ini membuktikan keupayaan Politeknik Sandakan dalam menyampaikan pendidikan teknikal yang dinamik, berimpak dan menyeluruh.








Kampung
Bambangan













MUET WORKSHOP 2025

Oleh : Julainus Jiun - 27 Januari 2025



Seramai 230 orang pelajar yang terdiri daripada semester 4 dan 5 telah menyertai program MUET Workshop 2025 yang dijalankan selama 2 hari dari 23 hingga 24 Januari 2025, bertempat di Dewan Kuliah Utama (DKU), Politeknik Sandakan Sabah (PSS).

Program ini dianjurkan oleh Unit Bahasa Inggeris, Jabatan Pengajian Am dan merupakan salah satu daripada program Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) yang bertujuan untuk meningkatkan bilangan pelajar fasih berbahasa Inggeris. Peserta-peserta diberikan pendedahan kepada empat kemahiran berbahasa Inggeris yang utama iaitu membaca, menulis, mendengar dan bertutur. Penguasaan kemahiran-kemahiran tersebut sangat penting bagi para peserta khususnya yang bakal menduduki ujian MUET Sesi 1 bagi tahun 2025.



Sekumpulan penceramah yang berdedikasi telah menjayakan program pada kali ini yang terdiri daripada Cik Loo Sook Yee (Penyelaras MUET PSS) dan para pensyarah Bahasa Inggeris institusi seperti Puan Safiah binti Madri, Encik Julainus Jiun, Encik Mohamad Fazril bin Ahmad Fauzi, dan Encik Alson Alden John. Antara pengisian program tersebut adalah pengenalan format ujian MUET, teknik efektif menjawab soalan-soalan MUET serta perkongsian tips dan pengalaman bersama penceramah mengenai amalan baik menghadapi ujian MUET.


Sesungguhnya program seperti ini mampu memberikan panduan kepada pelajar untuk mencapai keputusan yang diimpikan bagi ujian MUET yang bakal menjelang.





SESI PERKONGSIAN ILMU REVOLUTIONIZING TEACHING AND LEARNING IN THE AI ERA: STRATEGIES FOR SEAMLESS INTEGRATION OF INTELLIGENT TECHNOLOGIES

Oleh : Julainus Jiun - 13 Jun 2025



Satu sesi perkongsian ilmu berkenaan Revolutionizing Teaching and Learning in the AI Era : Strategies for Seamless Integration of Intelligent Technologies telah diadakan pada 11 Jun 2025 yang dilaksanakan secara atas talian menggunakan platform Google Meet. Seramai 35 orang peserta yang terdiri daripada para pensyarah Politeknik Sandakan Sabah telah mengikuti program ini. Program ini ialah anjuran bersama Jabatan Pengajian Am (JPA) dan Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL), Politeknik Sandakan Sabah.

Program ini dijayakan oleh penceramah jemputan dari Fakulti Pendidikan UITM Dengkil, Selangor, Dr. Karmila Rafiqah binti Mohd Rafiq Anbarasan yang merupakan seorang pakar dalam bidang literasi bahasa dalam konteks TESOL (Teaching English to Speakers of Other Languages). Tujuan program ini diadakan adalah untuk menerapkan dan menambah pengetahuan terhadap kecerdasan buatan (AI) kepada para pensyarah bagi membantu dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP).

Antara objektif program ini adalah memahami konsep asas dan potensi AI dalam pendidikan, menganalisis cabaran dan peluang integrasi AI dalam PdP serta mengaplikasikan platform AI dalam aktiviti pengajaran.

Sesungguhnya program seperti ini merupakan Langkah awal yang baik dalam usaha meningkatkan kualiti pengajaran dan pembelajaran (PdP).



KHATAM AL-QURAN, SUNGKAI PERDANA DAN WORLD QURAN HOUR

Oleh : Faiz Aiman bin Mohamad – 24 Mac 2025

Program Khatam Al-Quran dan Sungkai Perdana anjuran Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah diadakan pada 21 Mac 2025, bertempat di Surau Terbuka PSS. Program ini merupakan satu program yang diadakan secara berkala apabila memasuki bulan Ramadan, namun istimewanya kali ini, program Khatam Al-Quran dan Sungkai Perdana ini diadakan serentak dengan program World Quran Hour.

Khatam Al-Quran dan Sungkai Perdana ini ialah program untuk meraikan semua staf yang telah berjaya khatam Al-Quran. Selain itu, program ini juga adalah untuk menghidupkan kembali sunnah berbuka puasa secara berjemaah dan makan menggunakan talam.


Banyak pengajaran dan hikmah yang diperolehi dari program ini, antaranya ialah dapat mengeratkan hubungan silaturahim antara staf dan dapat menambahkan ilmu pengetahuan yang dikongsikan dari ceramah yang disampaikan oleh Ketua Jabatan Pengajian Am, Al-Fadhil Ustaz Nasuha bin Nasaruddin sebelum waktu berbuka puasa.

Semoga program seperti ini dapat diadakan lagi pada masa akan datang, terima kasih kepada semua yang terlibat samada secara langsung atau tidak langsung. Semoga setiap aktiviti yang dilakukan dikira amal ibadah disisi-Nya.










POLITEKNIK
MALAYSIA

CERAMAH FIQH WANITA SIRI 1 : TAHARAH DAN IBADAH SOLAT

Oleh : Faiz Aiman bin Mohamad – 17 Februari 2025



Ceramah Fiqh Wanita Siri 1: Taharah dan Ibadah Solat anjuran Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah diadakan pada 14 Februari 2025, bertempat di Dewan Kuliah Utama PSS. Program ini merupakan satu inisiatif Jabatan Pengajian Am, PSS dalam meningkatkan kefahaman Muslimah terhadap hukum Islam berkaitan diri dan persekitaran sekeliling.

Bab *Taharah* (kebersihan) dan Ibadat Solat merupakan fokus penting yang mana merupakan kunci dan ibadat utama kepada penerimaan dan kesahan di sisi Allah SWT. Oleh itu, fokus program ini mampu menjadi pembelajaran sepanjang hayat kepada peserta. Program ini telah disertai oleh seramai 50 orang yang terdiri daripada kakitangan PSS dan komuniti setempat.

Secara keseluruhannya, program ini telah berjaya mernambahkan ilmu pengetahuan terutamanya dalam bab taharah dan ibadah solat khusus buat kaum wanita yang mana ilmu berkenaan Fiqh Wanita ini sukar untuk didapati di mana-mana majlis ilmu melainkan jika ada ceramah khas yang dianjurkan oleh sesetengah pihak.

Pihak Jabatan Pengajian Am ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan program ini. Semoga dengan penganjuran ceramah ini sedikit sebanyak dapat membantu kita semua menjadi hamba Allah yang menuruti semua syariat yang telah ditetapkan.InshaaAllah.

Objektif program

1. Memberi khidmat masyarakat kepada komuniti sekitar Politeknik Sandakan Sabah.
2. Meningkatkan kesedaran dan kefahaman wanita terhadap ilmu agama dan hukum hakam berkaitan diri.
3. Memupuk pertumbuhan intelektual, empati dan professional melalui aktiviti pembelajaran sepanjang hayat (PLO6).


FIQH WANITA SIRI 1 : TAHARAH
DAN IBADAH SOLAT


KELUAR

CERAMAH IHYA' RAMADAN BERTAJUK AHLAN YA RAMADAN : PENGHAYATAN MADRASAH DIRI DAN PENYUCIAN HATI

Oleh : Faiz Aiman bin Mohamad – 24 Februari 2025



Ceramah Ihya' Ramadan bertajuk Ahlan Ya Ramadan: Penghayatan Madrasah Diri dan Penyujian Hati anjuran Jabatan Pengajian Am (JPA) Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah diadakan pada 21 Februari 2025, bertempat di Dewan Kuliah Utama PSS. Program ini merupakan satu program yang diadakan secara berkala sebelum masuknya bulan Ramadan. Tujuan program ini diadakan adalah untuk mempersiapkan diri seorang muslim dan semua staf khususnya sebelum memasuki bulan Ramadan yang mana bulan Ramadan ini adalah salah satu bulan yang mulia dalam agama Islam.

Justeru itu, Jabatan Pengajian Am mengadakan satu ceramah khas dengan menjemput penceramah jemputan iaitu Dai' Samsudin yang merupakan salah seorang penceramah selebriti dari rancangan Dai' Milenia.

Banyak isi penting yang diperolehi dari ceramah ini, antaranya ialah apakah persiapan dari sudut ibadah yang kita oleh lakukan sebelum dan semasa bulan Ramadan. Selain dari itu, penceramah juga menekankan berkenaan perkara-perkara yang membatalkan puasa serta perkara yang perlu dijaga supaya pahala puasa tidak berkurang.

Pihak Jabatan Pengajian Am ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung dalam menjayakan ceramah ini. Semoga dengan penganjuran ceramah ini sedikit sebanyak dapat membantu kita semua menjadi hamba Allah yang menuruti semua syariat yang telah ditetapkan oleh-Nya. InsyAllah


POLITEKNIK


Ahlan Ya Ramadhan :
Penghayatan Madrasah Diri
dan Penyucian Hati



KURSUS ASAS MICROCONTROLLER

Oleh : Nur Ameerah binti Ahmad - 19 April 2025

Kompleks Sukan Sandakan telah dibanjiri pengunjung semasa Festival PolyCC @ Jom Masuk U Zon Sabah 1. Antara aktiviti yang mendapat sambutan hangat ialah Kursus Asas Microcontroller yang telah menarik minat pengunjung untuk mempelajari asas pengaturcaraan dan penggunaan mikropengawal. Mikropengawal merupakan komponen penting yang digunakan secara meluas dalam pembangunan projek inovasi, kawalan automatik serta sistem elektronik bersepadu.



Kursus ini menekankan pembelajaran secara teori dan amali, termasuk latihan mengendalikan papan mikropengawal seperti Arduino, serta sambungan komponen asas seperti LED, sensor dan motor. Kursus ini telah disampaikan oleh En. Marc Rudy Johndery dari Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Politeknik Sandakan Sabah.

Diharapkan penganjuran kursus ini dapat membina asas pengetahuan serta meningkatkan minat pelajar dan peserta terhadap bidang teknologi, seterusnya menyokong usaha melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi dalam era Revolusi Industri 4.0.




POLYCC





LAWATAN PENANDA ARAS PROGRAM ASASI

Oleh : Nur Ameerah binti Ahmad - 19 Februari 2025

Delegasi dari Politeknik Sandakan Sabah yang diketuai oleh Timbalan Pengarah Akademik, En. Irwandih bin Mat Jaili telah mengadakan Lawatan Penanda Aras bagi Program Asasi Teknologi Kejuruteraan ke Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah (POLISAS).

Lawatan ini bertujuan untuk mendapatkan perkongsian ilmu dan pengalaman berkaitan pelaksanaan serta pengurusan Program Asasi Teknologi Kejuruteraan. Politeknik Sandakan Sabah merupakan salah satu institusi baharu yang akan menawarkan program ini dan lawatan tersebut memberikan peluang kepada delegasi untuk melihat secara langsung kemudahan serta peralatan yang digunakan dalam program berkenaan di POLISAS.

Diharapkan pelaksanaan program seperti ini dapat mengeratkan hubungan kerjasama antara kedua-dua politeknik dan seterusnya membantu pihak Politeknik Sandakan Sabah dalam membuat persiapan rapi bagi pelaksanaan program baharu ini.










KELUAR


POLITEKNIK

PROGRAM SCITECH4U STEM CAMP MOSTI 2025

Oleh : Nur Ameerah binti Ahmad - 3 July 2025



Kakitangan Jabatan Matematik Sains dan Komputer, Politeknik Sandakan telah bersama-sama dengan warga Kolej Vokasional Sandakan dalam menjayakan Program SciTech4U STEM Camp 2025. Program ini telah mendapat penyertaan daripada 100 orang pelajar dari 10 buah sekolah menengah sekitar Sandakan dan Kolej Vokasional sendiri.

Program selama dua hari yang berlangsung pada 21 hingga 22 Jun ini telah berjaya dilaksanakan dengan pengisian tiga aktiviti utama di bawah kendalian pensyarah Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK). Aktiviti yang dijalankan merangkumi Internet of Things di bawah bimbingan En. Marc Rudy Johndery, Robotic Arm oleh Ts. Nik Salwani, serta Robotic and Automation yang dibimbing oleh Ts. Norina Yadin. Pelaksanaan aktiviti ini turut mendapat sokongan Ketua Jabatan Matematik, Sains dan Komputer, Tn. Haji Armanjaya, bersama beberapa pensyarah lain iaitu Pn. Nur Ameerah, Pn. Najibah dan Pn. Norshahadah.

Aktiviti-aktiviti yang dijalankan bukan sahaja menarik, malah telah berjaya menambah pengetahuan, pengalaman dan kemahiran para pelajar dalam pengendalian teknologi Revolusi Industri Keempat (4IR), sejajar dengan keperluan semasa dunia pendidikan dan industri. Program ini turut memberi pendedahan awal kepada pelajar tentang aplikasi teknologi moden serta kepentingannya dalam pelbagai bidang kerjaya masa hadapan.


Diharapkan program ini dapat memperkukuh kemahiran teknikal pelajar, memupuk minat dalam bidang STEM serta melahirkan individu yang berdaya saing dan bersedia menghadapi cabaran dunia teknologi masa kini.











PROGRAM SMART COMMUNITY PROGRAM (SCP) DI POLITEKNIK NEGERI NUNUKAN, INDONESIA

Oleh : Norsyafiqa' binti Suhaimi

Jabatan Matematik, Sains dan Komputer (JMSK) Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah menganjurkan program Smart Community Program (SCP) iaitu pendedahan dan sesi perkongsian ilmu berasaskan teknologi 4IR dengan kerjasama Politeknik Negeri Nunukan (PNN), Indonesia. Program ini dicetuskan oleh Hj. Armanjaya bin Amirullah, Ketua Jabatan Matematik, Sains & Komputer. Program ini juga merupakan sebuah usaha kolaborasi strategik PSS-PNN, satu langkah proaktif dan berwawasan ke hadapan dalam memperkukuhkan jaringan kerjasama serantau dalam Pendidikan, Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET).

Di antara aktiviti yang telah diadakan di PNN ialah sesi perkongsian ilmu antaranya ialah:

- Aktiviti Robotik dan Automasi (Khusus Untuk Pelajar Diploma Teknik Alat Berat, PNN)
- Kursus IoT (Khusus Untuk Pelajar Diploma Teknik Sipil Infrastruktur Perkotaan)
- Aktiviti Arm Robot (Khusus Untuk Pelajar Diploma Teknik Alat Berat, PNN)
- Kursus Digital Marketing using AR (Khusus Untuk Pelajar Diploma Administrasi Bisnis) Aquaculture Talk: The Fish Meal Dilemma-Any Alternatives? (Khusus Untuk Pelajar Diploma Teknologi Hasil Perikanan)





Kemuncak program menyaksikan termeterainya Letter of Intent (LoI) pada 28 April 2025 antara dua institusi ini dalam satu majlis penuh bermakna yang diadakan di Politeknik Negeri Nunukan. Majlis ini disempurnakan oleh Pengarah Politeknik Sandakan Sabah, En. Mohd Sani bin Said, dan Direktur Politeknik Negeri Nunukan, Bapak Arkas Viddy (PhD), sebagai simbolik kepada permulaan kerjasama dua hala yang signifikan.

Kolaborasi ini dijangka membuka peluang luas dalam pertukaran pelajar dan pensyarah, pelaksanaan projek bersama, serta pembangunan program latihan dan kemahiran berskala antarabangsa.

Semoga inisiatif ini menjadi pemangkin kepada kecemerlangan pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional kedua-dua institusi dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan modal insan serantau yang mampan dan berdaya saing.





PROGRAM SMART COMMUNITY PROGRAM (SCP) "IKATAN KASIH SERUMPUN BUDI" DI PONDOK PESANTREN HIDAYATULLAH, KABUPATEN NUNUKAN, KALIMANTAN UTARA, INDONESIA

Oleh : Norsyafiqa' binti Suhaimi - 29 April 2025



Pada 29 April 2025, sebuah program Smart Community Program bersama Pondok Pesantren Hidayatullah, Kabupaten Nunukan, Kalimantan Utara, Indonesia telah diadakan dengan tema program "Ikatan Kasih Serumpun Budi" yang telah dianjurkan oleh Jabatan Matematik, Sains & Komputer, Politeknik Sandakan Sabah. Program ini merupakan sebuah program aktiviti perkongsian ilmu serta pemberian sumbangan berupa wang tunai dan juga bahan mentah makanan kepada para penghuni iaitu pelajar di Pondok Pesantren Hidayatullah. Sumbangan telah disampaikan oleh Pengarah Politeknik Sandakan Sabah, En. Mohd Sani bin Said kepada wakil pesantren iaitu Ustaz Muhammad Randi, Ketua Yayasan Pondok Pesantren Hidayatullah. Di antara aktiviti perkongsian ilmu yang telah dijalankan di Pondok Pesantren Hidayatullah adalah aktiviti menghasilkan hidroponik serta aktiviti Bahasa Inggeris bersama pelajar pesantren.







Adalah diharapkan agar program seumpama ini dapat menjadi pemangkin kepada jalinan kerjasama berterusan antara Politeknik Sandakan Sabah dan Pondok Pesantren Hidayatullah. Melalui program seumpama ini, diharapkan nilai murni seperti semangat kesukarelawanan, perpaduan serumpun, serta keprihatinan sosial dapat terus disemai dan diperkukuhkan dalam kalangan pelajar. Selain itu, adalah menjadi harapan agar ilmu dan kemahiran yang dikongsikan dalam program ini, terutamanya dalam bidang pertanian hidroponik dan komunikasi Bahasa Inggeris, dapat dimanfaatkan oleh para pelajar untuk memperbaiki taraf kehidupan mereka dan menjana peluang ke arah masa depan yang lebih cerah. Semoga program ini menjadi titik permulaan kepada pelbagai inisiatif kolaboratif lain dalam bidang pendidikan, teknologi, dan pembangunan komuniti antara kedua-dua negara.




MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL
KOTA BHARU, KELANTAN

Oleh : Munirawaty binti Undang - 28 Jun - 03 July 2025





BOLING, BOLA TAMPAR, BOLA JARING & BADMINTON












PROTECH




POLITEKNIK
MAJLIS
PENUTUPAN
MSC
2025 KELANTAN
MYPOLYCC SPORTS CARNIVAL 2025




PROJEK D'RAJA KELANTAN
SYABAS & TAHNIAH
POLYCC SABAH
TEMPAT KETIGA (KESELURUHAN)



KEM KEPIMPINAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR PSS 2025 MENINGKATKAN KOMUNIKASI DAN SAHSIAH

Oleh : Azlinawati binti Alidin - 7 – 9 Februari 2025



Seramai 25 orang pelajar Politeknik Sandakan Sabah yang telah memenangi tempat di Pilihan Raya Kampus menyertai Kem Kempipinan JPP PSS 2025 yang berlangsung selama 3 hari di Tawai Rainforest Camp, Telupid. Program ini dianjurkan oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar bertujuan untuk membentuk jati diri, meningkatkan kemahiran komunikasi serta melahirkan pelapis kepimpinan pelajar yang berwiba bagi tahun ni.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang program termasuk Latihan Dalam Kumpulan melibatkan komunikasi berkesan di anatara meraka serta pertandingan memasak bagi menguji tahap kefahaman serta kerjasama masing – masing. Aktiviti lasak juga diselitkan semasa kem kali ini untuk melihat ketahanan mereka.

Kem Kepimpinan ini berakhir dengan membentukan kabinet JPP PSS 2025 kali ini agar mereka mengambil peranan sebagai ejen perubahan dalam komuniti dan negara. Secara keseluruhan, kem ini telah mencapai objektif agar para pemimpin pelajar ini lebih berkeyakinan, berdisplin serta mempunyai kesedaran terhadap pernaan masing – masing dalam menjadi pemimpin di masa depan.









RAYA HAVOC BERSAMA PENGURUSAN DAN PELAJAR POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Oleh : Azlinawati binti Alidin



Raya Havoc 2025 kali ini telah diterajui oleh Jawatankuasa Perwakilan Pelajar dengan berjaya mengumpulkan para pelajar PSS dan juga Pengurusan Politeknik Sandakan Sabah bertempat di Kafeteria PSS. Sambutan kali ini bertemakan berkongsi juadah telah diterap di mana setiap kelas perlu membawa juadah raya masing-masing untuk sama- sama dikongsikan semasa pelajar dan pengurusan serta Penasihat Akademik masing masing.

Raya Havoc dimeriahkan lagi dengan Penutupan Festival Kolej Kediaman serta Pertandingan Busana dikalangan wakil kelas. Program ini yang telah dihadiri oleh Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Ketua-ketua Jabatan serta Penasihat Akademik dilihat dapat mengeratkan silaturrahim dikalangan pelajar.

Raya Havoc dimeriahkan lagi dengan Penutupan Festival Kolej Kediaman serta Pertandingan Busana dikalangan wakil kelas. Program ini yang telah dihadiri oleh Pengarah, Timbalan Pengarah Akademik, Ketua Jabatan Sokongan Akademik, Ketua-ketua Jabatan serta Penasihat Akademik dilihat dapat mengeratkan silaturrahim dikalangan pelajar.



Program ini membuktikan bahawa suasana kemeriahan Aidilfitri mampu diraikan walaupun jauh dari keluarga, selain menjadi wadah untuk mengeratkan hubungan antara komuniti pelajar dan tenaga pengajar. Keseluruhannya, sambutan "Raya Havoc" tahun ini berjaya mencapai objektif penganjuran apabila disertai dengan semangat kekeluargaan, budaya hormat-menghormati serta penglibatan aktif daripada semua pihak.

PROGRAM X- KEB SATU USAHA PENGANTARABANGSAAN JAWATANKUASA PERWAKILAN PELAJAR SABAH


Oleh : Azlinawati binti Alidin - 25 – 27 April 2025



Jawatankuasa Perwakilan Pelajar (JPP) Politeknik Sandakan Sabah yang diwakili oleh Mohd Ridhwan bin Wan Mohd Yusri telah menghadiri Program Ekspolorasi Kemahiran dan Budaya (X- Keb) di Brunei Darussalam pada 25 April 2025 sehingga 27 April 2025. Program anjuran Kolej Komuniti Beaufort ini telah menghimpunkan barisan kepimpinan pelajar JPP PolyCC Sabah dengan melakar kejayaan dalam usaha pengantarabangsaan bagi mencapai satu misi membina jalinan strategik di peringkat serantau.



Aktiviti yang berlangsung selama 4 hari ini melalui jalan darat ke Brunei telah disambut oleh Universiti Teknologi Brunei (UTB) Dr Haji Rajul Adli bin Haji Asli, Dekan Hal Ehwal Pelajar. Lawatan ke UTB ini bagi perkongsian ilmu serta pengalaman pengurusan antara pemimpin pelajar. Setursnya lawatan ke Kedutaan Malaysia di Brunei pula disambut baik oleh Tuan Yang Terutama Datuk Mohd Aini Atan di mana deligasi berpeluang untuk memahami peranan diplomatik serta peranan Kedutaan Malaysia dalam menjaga kebajikan rakyat Malaysia di luar negara.





Selain lawatan yang di sekitar Bandar Bruneri Darussalam, delegasi juga dapat berkunjung ke Pusat Belia Bandar Seri Begawan seterusnya berpeluang mengadakan perlawanan persahabatan bola sepak antara pasukan JPP PolyCC Sabah dan wakil dari Kedutaan Malaysia.



Diharap Program X-KEB 2025 dapat diteruskan ke negera laian bagi mengukuhkan jaringan kerjasama antara institusi pendidikan Malaysia dan rakan serantau, di samping memperkasakan daya saing serta keterampilan global dalam kalangan belia.






Eksplorasi Kemahiran dan Budaya IX
JPP PolyCC Sabah - Brunei 2025
NO WAITING

NATIONAL TRAINING WEEK (NTW 2025) : UPSKILLING WITH POLITEKNIK SANDAKAN EXPERTS

Oleh : Nur Samahah binti Mohd Zainual @ Zanuar - 22 Jun 2025

Sempena National Training Week (NTW) 2025, Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah menganjurkan lima (5) kursus secara atas talian dan bersemuka yang disampaikan oleh pensyarah-pensyarah daripada Politeknik Sandakan Sabah. National Training Week (NTW) 2025 merupakan inisiatif tahunan yang dianjurkan oleh HRD Corp di bawah Kementerian Sumber Manusia Malaysia dan dijadualkan berlangsung dari 14 hingga 21 Jun 2025 dengan tema "Learning Beyond Borders".

Dua (2) kursus yang dianjurkan oleh PSS secara bersemuka adalah Kursus Pembangunan Video Berkonsepkan Generatif AI yang telah disampaikan oleh En. Hafizzie dan En. Farhan dan Kursus Asas Pengendalian Dron Pertanian oleh Pn. Nik Salwani dan En. Irwandih. Manakala tiga (3) kursus yang disampaikan secara atas talian adalah Kursus Pemasaran Digital Akuakultur oleh En. Mohammad Azri, Kursus Canva Create 2025 : Spreadsheet & AI oleh En. Mohd Hafizzie dan En. Muhammad Shukri serta Kursus Pembinaan Web AR dan 3D untuk Pemula yang disampaikan oleh En. Muhammad Shukri dan En. Mohd Hafizzie.

Kursus yang berlangsung telah disertai oleh pelbagai lapisan masyarakat seluruh Malaysia seiring dengan objektif penganjuran NTW untuk memperkasa budaya pendidikan dalam kalangan rakyat Malaysia seterusnya melahirkan komuniti yang berpendidikan dan berpengetahuan tinggi.


Semoga kursus yang telah dianjurkan dapat memberi nilai tambah kepada semua peserta yang juga menjadikan Politeknik Sandakan Sabah sebagai pusat reskilling dan upskilling TVET.















FUNGSI DAN KEGUNAAN AR YANG PELBAGAI
• PERMAINAN: MENGHIDUPKAN WATAK DIGITAL DALAM PERSEKITARAN DUNIA NYATA (CTH: POKÉMON GO).
• PERUNCITAN & E-DAGANG: PELANGGAN BOLEH "MENCUBA" PRODUK (PAKAIAN, MEKAP) ATAU "MELETAKKAN" PERABOT MAYA DI RUMAH SEBELUM MEMBELI.
• PENDIDIKAN: MEMVISUALISASIKAN MODEL 3D ANATOMI, SIMULASI SAINS INTERAKTIF, ATAU LAWATAN MAYA SEJARAH.
• NAVIGASI: ANAK PANAH ARAH ATAU MAKLUMAT LALUAN DITINDIH TERUS PADA PANDANGAN JALAN RAYA MELALUI KAMERA.
• INDUSTRI & PEMBUATAN: LATIHAN PEKERJA, PANDUAN PENYELENGGARAAN MESIN, KAWALAN KUALITI, PENGURUSAN GUDANG.
• PERUBATAN: UNTUK LATIHAN PEMBEDAHAN, VISUALISASI ORGAN, ATAU BANTUAN DALAM PROSEDUR.


Top picks for students
As seen on social media
New and noteworthy



BAZAR RAMADAN PSS 2025


Oleh : Yusmah binti Ag Damit - 28 Mac 2025

Bazar Ramadan PSS 2025 ini merupakan program anjuran Unit Keusahawanan Politeknik Sandakan Sabah (PSS). lanya dijalankan mulai 3 Mac sehingga 28 Mac 2025 di kawasan tempat letak kereta Kafeteria PSS antara pukul 4.00 sehingga 6.30 petang. Program ini melibatkan semua warga PSS. Gerai-gerai yang dibuka adalah terdiri daripada pelajar-pelajar yang mengambil Kursus Entrepreneurship (MPU22062 dan MPU22012), kelab-kelab Politeknik Sandakan Sabah dan staf PSS.

Pada 12 Mac 2025, YB Datuk Mokran Ingkat telah berkunjung ke PSS dan sempat melawat dan berbelanja di tapak bazaar pelajar PSS. Terima kasih atas keprihatinan YB Datuk kepada kami warga Politeknik Sandakan Sabah.




















KELAB SISWAPRENEUR
ENTREPRENEUR
UNIT KEUSAHAWANAN
KUEY TEOW GORENG UDANG
7.00
BUBUR TEPUNG PULUT
3.00
VIETNAM SPRINGROLL (CHICKEN/PRAWN)
RM5/ BOX
NAGASARI PISANG
3.00
ONDE² BUAH MELAKA
3.00
010-370 0414(SYAZWANI)



PELAJAR PSS JOHAN PERTANDINGAN USAHAWAN CEMERLANG POLYCC

Oleh : Yusmah binti Ag Damit - 20 April 2025

Sekalung tahniah kepada Team Keusahawanan Pelajar PSS atas kemenangan menjadi Johan Pertandingan Usahawan Cemerlang POLYCC sempena Festival PolyCC @ Jom Masuk U Zon Sabah 1 di Kompleks Sukan Sandakan. PSS telah menghantar 2 kumpulan. Kumpulan 1 terdiri daripada Alexander Immanuel Chin Qin, Erita Alfred, Aiman Hadi Bin Rosani dan Mohamad Danish Daniel bin Nasip. Manakala Kumpulan 2 terdiri daripada Andikah Nurhayat bin Razanali, Hajizi Hadi bin Hamidi, Grace Ang Suh Yie, dan Mohammad Afik Bin Adih.

Produk yang dipertandingkan oleh Kumpulan 1 ialah produk cocojelly, fish choc chip cookies dan Coco Chips. Manakala produk yang dipertandingkan oleh Kumpulan 2 ialah Hi-Fibre Biscuit, Cofftea Drink, dan Fruit Milk Drink.

Kumpulan 2 telah memenangi pertandingan Usahawan Cemerlang PolyCC sebagai johan dan pelajar-pelajar ini telah dibimbing oleh 2 orang mentor iaitu Pn. Yusmah binti Ag. Damit dan Pn.Ratna binti Anwar dari Unit Keusahawanan, Politeknik Sandakan Sabah.









PERTANDINGAN THE APPRENTICE POLYCC PRODUCT CHALLENGE SEMPENA PROGRAM KARNIVAL TVET POLYCC 2025

Oleh : Yusmah binti Ag Damit - 16 Februari 2025



Pelajar Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah menyertai pertandingan The Apprentice POLYCC Product Challenge sempena Program Karnival TVET POLYCC 2025 yang merupakan program yang dianjurkan oleh Bahagian Ambilan Dan Pembangunan Pelajar (BAPP) Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (JPPKK) melalui Unit Keusahawanan, Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS). Program ini merupakan jualan produk oleh pelajar berdasarkan pelbagai hasil aktiviti-aktiviti keusahawanan institusi. Produk yang dijual mestilah yang dihasilkan oleh aktiviti keusahawanan pelajar dengan membawa keunikan jenama institusi masing-masing. Produk sesuai untuk dijual dan mampu dibuktikan melalui transaksi dan bukti jualan.

Politeknik Sandakan Sabah telah memenangi **Anugerah Emas The Apprentice: PolyCC Product Challenge** dengan menerima wang sejumlah RM300 beserta sijil. Pelajar-pelajar yang terlibat ialah Andikah Nurhayat bin Razanali, Normilly binti Ricki, Jeffery Duncan dan Venessa Tia Siew Yee. Pelajar-pelajar ini telah dibimbing oleh 2 orang mentor iaitu Pn. Yusmah binti Ag. Damit dan Pn.Ratna binti Anwar dari Unit Keusahawanan, Politeknik Sandakan Sabah. Produk yang dipertandingkan ialah Fish Choc Chip Cookies dan Instant Creamy Scallop Soup daripada seliaan Pn. Asmahani binti Asmara, Shrimpzest premix powder (dip and dressing sauce premix powder) daripada seliaan Pn. Fazilah binti Abd Khair, dan Hi-fibre cookies daripada seliaan Pn. Nurul Safeza binti Abdul Hajis.



KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIJIL PENCAPAIAN

Syabas dan tahniah kepada

ANDIKAH NURHAYAT BIN RAZANALI
NORMILLY BINTI RICKI
JEFFERY DUNCAN
VENESSA TIA SIEW YEE

Atas pencapaian

ANUGERAH EMAS

The Apprentice:
PolyCC Product Challenge

KARNIVAL TVET POLYCC 2025

Bertempat Di

PUSAT PAMERAN ANTARABANGSA MAHSURI LANGKAWI, KEDAH

Pada

14 - 16 FEBRUARI 2025

TS. KHAIRUL ANUAR BIN ISHAK
Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI
JABATAN PENDIDIKAN POLITEKNIK DAN KOLEJ KOMUNITI

SIJIL PENGHARGAAN

Syabas dan tahniah kepada

ANDIKAH NURHAYAT BIN RAZANALI
NORMILLY BINTI RICKI
JEFFERY DUNCAN
VENESSA TIA SIEW YEE

Atas pencapaian

ANUGERAH BEST POLYCC PRODUCT

The Apprentice:
PolyCC Product Challenge

KARNIVAL TVET POLYCC 2025

Bertempat Di

PUSAT PAMERAN ANTARABANGSA MAHSURI LANGKAWI, KEDAH

Pada

14 - 16 FEBRUARI 2025

TS. KHAIRUL ANUAR BIN ISHAK
Pengarah
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

HALATUJU STRATEGIK DIPERKASA: MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN PACU PENAMBAHBAIKAN POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Oleh : Siti Norisikin binti Abas - 14-15 Jun 2025



Unit Jaminan Kualiti (UJK) Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah berjaya menganjurkan Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) bagi tahun 2025 bertempat di Pavilion Hotel, Sandakan. Mesyuarat tahunan ini telah menghimpunkan seluruh barisan pengurusan tertinggi dan ketua- ketua jabatan dan unit di Politeknik Sandakan Sabah dalam usaha menilai keberkesanan sistem pengurusan kualiti institusi serta merangka pelan penambahbaikan berterusan. Sepanjang dua hari mesyuarat, sebanyak 33 laporan utama telah dibentangkan oleh Ketua Jabatan, Ketua Unit dan pegawai-pegawai bertanggungjawab yang merangkumi prestasi pelan strategik, objektif kualiti, laporan audit dalaman, prestasi akademik (CQI), pengurusan sumber manusia, kewangan, serta status pelaksanaan aktiviti tahunan dan lain-lain. Perbincangan turut menyentuh isu-isu dalaman, cabaran semasa dalam pengurusan fasiliti, dan cadangan penyesuaian sistem pengurusan sedia ada dengan persekitaran semasa.

Signifikan MKSP PSS Tahun 2025 ini adalah penekanan terhadap keperluan penambahbaikan dokumentasi proses kerja dan sistem pemantauan yang efektif. Pindaan terhadap beberapa KPI yang dipersetujui oleh Ahli Mesyuarat. Malahan MKSP ini adalah peluang kepada strategi pengurusan yang lebih tersusun dalam masa yang sama menyuntik semangat kolaboratif dalam kalangan pengurusan tertinggi PSS.MKSP 2025 berjaya mencapai objektifnya sebagai platform utama untuk menyemak hala tuju pelan strategik institusi. Cadangan penambahbaikan telah dikemukakan dan akan dilaksanakan secara progresif dalam tahun semasa. PSS terus komited dalam mengekalkan piawaian kualiti dan tadbir urus institusi ke arah kecemerlangan pendidikan tinggi.







KOMITMEN BERTERUSAN PSS TERHADAP KUALITI DAN KESELAMATAN: AUDIT PENGAWASAN QMS ISO 9001:2015 DAN OH&S MS ISO 45001:2018 TAHUN 2025

Oleh : Ts. Norina binti Yadin - 08-09 Jun 2025

Politeknik Sandakan Sabah (PSS) di bawah Unit Jaminan Kualiti terus komited dalam usaha memperkukuh budaya kualiti dan keselamatan kerja menerusi pelaksanaan **Audit Pengawasan Tahunan bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015** dan **Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OH&S) MS ISO 45001:2018** yang telah dilaksanakan dengan jayanya pada bulan Julai 2025. Audit ini telah dikendalikan oleh wakil auditor bertauliah daripada **NIOSH Certification Sdn. Bhd.**, melibatkan semakan menyeluruh ke atas sistem dokumentasi, pematuhan operasi serta keberkesanan penambahbaikan dalaman di peringkat jabatan dan unit-unit utama.

Proses audit merangkumi sesi temubual bersama warga kerja terlibat, semakan laporan berkaitan pelaksanaan KPI, CQI, analisis risiko, rekod latihan serta pemantauan persekitaran kerja yang selamat dan sihat. Sebagai institusi pendidikan tinggi teknikal yang berpegang kepada prinsip penambahbaikan berterusan, PSS telah merangka tindakan susulan berstruktur untuk menangani sebarang penemuan audit, selain memperkukuh mekanisme pelaporan, pemantauan dan latihan dalaman bagi memastikan sistem pengurusan sentiasa relevan dan berkesan.



Pengarah Politeknik Sandakan Sabah, En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, menyatakan bahawa pencapaian ini mencerminkan dedikasi seluruh warga PSS terhadap pencapaian kecemerlangan organisasi yang seimbang antara kualiti penyampaian perkhidmatan dan keselamatan serta kesihatan pekerjaan. Kerjasama kesemua AMP, Unit Jaminan Kualiti, Jawatankuasa dalam pengurusan audit ini telah mendapat pujian daripada pihak auditor.













PENAZIRAN AKADEMIK (PENA) 2025 : MEMPERKUKUH KUALITI AKADEMIK DI POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Oleh : Ramlah binti Awaluddin - 22 Julai 2025



Satu sesi **Penaziran Akademik (PeNA)** telah berjaya dilaksanakan di Politeknik Sandakan Sabah (PSS) yang diterajui oleh Timbalan Pengarah Akademik, En. Irwandih bin Mat Jaili, Ketua Unit Jaminan Kualiti, Pn Siti Norisikin binti Abas dan Penyelaras PeNA iaitu Pn. Ramlah binti Awaluddin yang melibatkan pemantauan sistematik terhadap pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran serta pengurusan akademik secara keseluruhan. Penaziran ini merupakan inisiatif berterusan Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dalam memastikan kualiti akademik di politeknik dan kolej komuniti sentiasa berada pada tahap terbaik. Delegasi yang hadir terdiri daripada Pengarah Bahagian Instruksional dan Pembelajaran Digital, En. Zaidi bin Othman, Timbalan Pengarah, Unit Naziran JPPKK, Sr. Asuralyzah binti Saleh, Ketua Panel PeNA, Pn. Khamisah Mohamed. Turut hadir bersama para panel iaitu Pn. Siti Nur Yusra Yusof, En. Jamri Bin Kasim, En. Alias bin Hj. Umar, Pn. Munirah Bt. Md Nujid dan Ts. Mohd Zulhasnan bin Mat.





Sesi ini dijalankan oleh pasukan penazir yang terdiri daripada pegawai akademik kanan dan pakar bidang dari politeknik lain yang dilantik secara rasmi oleh JPPKK. Lawatan penaziran berlangsung secara fizikal di kampus Politeknik Sandakan dan melibatkan pengumpulan data, semakan dokumen, serta sesi temubual bersama pentadbir jabatan, pensyarah dan pelajar. Antara aspek yang menjadi tumpuan dalam PeNA ini termasuk Pemantauan kualiti **pengajaran dan pembelajaran** (PdP), semakan terhadap **pengurusan dokumen kurikulum**, pelaksanaan penilaian berasaskan hasil pembelajaran (OBE), serta keberkesanan pengurusan penilaian pelajar, pemerhatian terhadap penggunaan **kemudahan pembelajaran** dan penyampaian kandungan kursus serta penglibatan pelajar dalam proses pembelajaran aktif. Pengarah Politeknik Sandakan Sabah, En. Mohd Sahran @ Awang bin Mohidin, dalam ucapan penutup beliau, menyatakan penghargaan kepada pasukan penazir atas panduan dan cadangan yang dikemukakan. Ucapan terima kasih juga diucapkan kepada jawatankuasa terlibat. Beliau turut menegaskan bahawa pihak pengurusan akan terus memperkukuh sistem penyampaian akademik demi memastikan para pelajar menerima pendidikan berkualiti tinggi yang relevan dengan keperluan industri dan masyarakat.



















LAWATAN PENANDAARASAN UPIK PSS KE UPIK PKK DAN PERBADANAN HARTA INTELEK MALAYSIA (MYIPO) SABAH

Oleh : Dr. Joanna W Doinsing - 28 Mei 2025



Unit Penyelidikan dan Komersilan Politeknik Sandakan Sabah (UPIK PSS) telah mengambil inisiatif penting dengan mengadakan lawatan penandaarasan proaktif ke Unit Penyelidikan dan Inovasi Komersial (UPIK) Politeknik Kota Kinabalu (PKK) serta ke Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Sabah. Lawatan ini bertujuan untuk memperkukuh dan memantapkan pengurusan penyelidikan, inovasi, dan harta intelek di PSS, selaras dengan komitmennya untuk melahirkan graduan yang kompeten dan berdaya saing. Program ini juga merupakan salah satu agenda tim UPIK PSS yang berperanan sebagai pemudah cara dalam membudayakan serta memperkasakan penyelidikan dalam kalangan warga PSS.

Rombongan UPIK PSS ini diketuai oleh Ketua Unit, Dr. Joanna W. Doinsing dan diiringi oleh barisan pegawai kanan yang berdedikasi, Setiausaha, Pn. Nur Samahah binti Mohd Zainual @ Zanuar; Pegawai Penyelidikan, Pn. Hazza Roshada binti Ramli; Pegawai Harta Intelek, En. Mohd Farhan bin Jamaludin; Pegawai Komersialan, Pn. Nurul Safeza binti Abdul Hajis; dan Pegawai Inovasi, En. Mohd Fauzan bin Mamat Zawawi. Dedikasi dan kehadiran mereka menunjukkan kesungguhan UPIK PSS dalam meraih ilmu dan pengalaman terbaik.

Sesi penandaarasan dimulakan dengan penuh kehangatan melalui sesi pengenalan bersama pucuk pimpinan PKK, iaitu Pengarah PKK, Tn. Hj. Md Nor bin Abdul Halim, Timbalan Pengarah Akademik, En. Abdul Razak bin Mohd Daim, dan Ketua UPIK PKK, Dr. Mohd Isa bin Jaffar. Suasana perkongsian ilmu seterusnya dengan sesi perbincangan dan pertukaran maklumat yang meliputi pelbagai aspek kritikal seperti aktiviti penyelidikan yang progresif, penerbitan ilmiah yang berkualiti, strategi pengkomersilan yang berkesan, inovasi berimpak tinggi, serta pengurusan harta intelek yang strategik. Perbincangan ini telah membuka ruang kepada UPIK PSS dalam mempelajari amalan terbaik dari PKK.











Slot petang diteruskan lagi dengan sesi lawatan ke Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO) Sabah bersama Pengarah MyIPO Sabah, Puan Asmah binti Khalid. Sesi ini lebih tertumpu kepada penerangan komprehensif mengenai sistem perlindungan harta intelek di Malaysia, yang merupakan tunjang utama dalam memacu inovasi. Perbincangan turut menyentuh perancangan hala tuju kerjasama strategik antara MyIPO Sabah dan UPIK PSS, dalam membuka lembaran baharu terhadap perlindungan dan pengurusan sistem hak harta intelek bagi Politeknik Sandakan Sabah.

Secara keseluruhannya, lawatan penandaarasan ini telah membawa impak positif dan signifikan dalam memperkukuh pengurusan penyelidikan, inovasi, dan harta intelek di Politeknik Sandakan Sabah. Lawatan ini juga membuka peluang dan kerjasama antara PSS dan PKK ke arah yang lebih produktif dan sekaligus menjadikan PSS sebagai institusi pendidikan tinggi yang progresif dalam ekosistem inovasi negara.



DUA GERAN, DUA KEJAYAAN! TAHNIAH PENSYARAH PSS!

Oleh : Hazza Roshada binti Ramli

Setinggi-tinggi tahniah dan syabas diucapkan kepada dua kumpulan pensyarah dari Politeknik Sandakan Sabah atas pencapaian cemerlang menerima dua geran Public-Private Research Network (PPRN) bagi Fasa 1 Tahun 2025. Kejayaan ini merupakan bukti jelas kepada dedikasi dan usaha gigih para pensyarah dalam merangka serta melaksanakan penyelidikan yang relevan dan berimpak tinggi, sejajar dengan aspirasi institusi untuk menjadi peneraju dalam bidang inovasi dan teknologi berasaskan industri.



Penerimaan geran ini juga memperlihatkan kekuatan hubungan strategik antara Politeknik Sandakan Sabah dan pihak industri, yang mana kolaborasi pintar ini mampu menyumbang kepada pemindahan teknologi, peningkatan kecekapan operasi industri tempatan, serta memperluaskan lagi aplikasi penyelidikan ke arah menyokong pembangunan ekonomi setempat.



PENGUKUHAN BUDAYA PENYELIDIKAN MELALUI BENGKEL PENULISAN KERTAS KAJIAN

Oleh : Dr. Joanna W Doinsing, Hazza Roshada binti Ramli



Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan (UPIK) dengan kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) serta Centre of Aquaculture Technology (CoAT) telah menganjurkan Bengkel Penulisan Kertas Kajian khusus untuk pensyarah Politeknik Sandakan. Program ini diadakan bagi meningkatkan kefahaman dan kemahiran dalam menghasilkan penulisan ilmiah yang berimpak tinggi dan berkualiti untuk tujuan penerbitan.

Bengkel ini telah disampaikan oleh Dr. Joanna W. Doinsing, Ketua Unit Penyelidikan, Inovasi dan Pengkomersilan, serta Pn. Hazza Roshada Ramli, Pegawai Penyelidikan UPIK yang berpengalaman luas dalam bidang penyelidikan dan penerbitan. Antara pengisian utama merangkumi teknik mengenal pasti jurnal yang relevan, pemahaman mengenai sistem pengindeksan dan quartil jurnal, kriteria pemilihan oleh editor dan penilai jurnal, serta struktur penulisan kertas kajian yang menepati piawaian penerbitan.

Program dimulakan dengan ucapan perasmian oleh Timbalan Pengarah Akademik, En. Irwandih Mat Jaili, yang menyatakan komitmen pihak pengurusan dalam memperkasakan budaya penyelidikan dalam kalangan pensyarah, selaras dengan hasrat memperkukuh kualiti pengajaran dan penerbitan ilmiah institusi.

Para peserta turut didedahkan kepada sesi bimbingan praktikal dalam merangka kerangka kertas kajian berdasarkan topik penyelidikan masing-masing, serta diberikan tunjuk ajar secara langsung bagi memperkemas penulisan sebelum dihantar ke jurnal pilihan.

Penganjuran bengkel ini diharap dapat menjadi landasan kukuh kepada warga akademik Politeknik Sandakan untuk terus aktif menghasilkan penulisan ilmiah yang menyumbang kepada pembangunan ilmu, industri dan masyarakat, selari dengan aspirasi pendidikan tinggi negara.





Majlis Bakti Dijunjung, Budi Disanjung: PENGHARGAAN BUAT PENGARAH POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Oleh : Ts. Azhar bin Ambo, Hazza Roshada binti Ramli



Majlis penuh penghargaan dan bermakna, "Majlis Bakti Dijunjung, Budi Disanjung", telah berlangsung dengan jayanya bagi meraikan persaraan Pengarah Politeknik Sandakan Sabah. Acara ini merupakan anjuran Corporate, Industrial Services and Employability Centre (CISEC) Politeknik Sandakan, yang menghimpunkan para Rakan Industri, jawatankuasa Unit CISEC bersama Ketua- Ketua Unit dan Jabatan sebagai simbol penghargaan atas kepimpinan dan sumbangan besar beliau sepanjang menerajui institusi ini.

Majlis turut dihadiri barisan Rakan Industri sebagai tanda sokongan dan pengiktirafan terhadap kerjasama erat yang terjalin selama ini, sekaligus membuktikan komitmen berterusan dalam pembangunan modal insan. Ucapan alu-aluan Ketua Unit CISEC, Ts. Azhar bin Ambo membuka tirai acara, diikuti ucapan penghargaan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri, En. Hamsah bin Herman yang menyuarakan rasa terima kasih atas kepimpinan dan visi Tuan Pengarah dalam memajukan jaringan akademik-industri.



Majlis diserikan dengan sesi penyampaian plak dan cenderahati penghargaan kepada Tuan Pengarah oleh Ketua Unit CISEC dan Pengerusi Jawatankuasa Penasihat Industri, sebelum diteruskan dengan jamuan makan malam serta sesi ramah mesra. Acara ini menjadi platform bermakna untuk terus memperkukuh jaringan kerjasama yang telah terbina kukuh antara politeknik dan industri.

Pihak CISEC Politeknik Sandakan Sabah merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat, khususnya para Rakan Industri yang sentiasa memberikan sokongan dalam menjayakan majlis dan memperkasakan ekosistem pendidikan teknikal negara.















MENYEMAI BUDAYA MEMBACA BERSAMA PELAJAR SEMESTER 3, 4, DAN 5

Oleh : Suhadah binti Sudirman - 25 Jun 2025

Unit Perpustakaan telah menganjurkan beberapa program yang menarik bertujuan menyemai budaya membaca dalam kalangan pelajar Semester 3, 4 dan 5 sepanjang semester ini. Program ini dijalankan secara berperingkat mengikut kumpulan pelajar yang terlibat. Tujuan utama pelaksanaan program ini adalah untuk meningkatkan minat membaca dalam kalangan pelajar, mendedahkan pelajar kepada koleksi perpustakaan yang ada serta menggalakkan pelajar meminjam dan menggunakan bahan bacaan yang ada sama ada untuk rujukan mahupun bacaan santai.

1. Program Jejak Ilmu & Grab Book 2U
Tarikh: 5 Februari & 3 Mac 2025 (Rabu)
Kumpulan Sasaran: Pelajar Semester 4 dan 5

Program Jejak Ilmu dijalankan dalam bentuk aktiviti pencarian maklumat melalui Online Public Access Catalogue (OPAC) yang memberi peluang kepada pelajar untuk mengenali pelbagai koleksi bahan rujukan dan kemudahan perpustakaan secara interaktif. Aktiviti ini diadakan untuk membina kemahiran mencari dan mengenai pasti sumber perpustakaan dengan lebih berkesan.

Grab Book 2U pula pula menyediakan ruang khas untuk pelajar memilih dan meminjam buku dengan pantas dan mudah, tanpa perlu melalui proses peminjaman biasa di kaunter.

2. Program Jom Baca Bersama 10 Minit & Grab Book 2U
Tarikh: 23 April 2025 (Rabu)
K**umpulan Sasaran:** Pelajar Semester 5

Pada tarikh 23 April 2025, pelajar Semester 5 telah sama-sama menjayakan Program Jom Baca Bersama 10 Minit yang dilaksanakan serentak di seluruh negara. Para pelajar dan staf meluangkan masa selama 10 minit untuk membaca buku pilihan masing-masing walau di mana mereka berada. Inisiatif ini bertujuan memupuk kesedaran tentang pentingnya membaca dalam kehidupan harian, walaupun hanya meluangkan masa selama 10 minit. Program ini turut digabungkan dengan Grab Book 2U, yang membolehkan pelajar terus memilih bahan bacaan yang diigini untuk dipinjam.

Secara keseluruhannya, program yang dianjurkan ini berjaya menarik penyertaan pelajar. Program ini turut menyumbang kepada peningkatan kadar pinjaman bahan bacaan perpustakaan sepanjang tempoh pelaksanaannya.




JOM
baca
bersama
10
minit
23 APRIL 2025
RABU
PERPUSTAKAAN POLITEKNIK SANDAKAN SABAH




JOM
BACA
#MalaysiaMembaca









RAHSIA
MEKAH




STUDENT
GUIDEBOOK








Kelebihan
3 Bulan
REJAB, SYAABAN
& RAMADHAN




JOM
BACA

TAKLIMAT HARI INI, KEJAYAAN ESOK!

Oleh : Supiah binti Badarodin - 07 Januari 2025





Satu taklimat Peperiksaan Akhir bagi pelajar baharu yang mendaftar di kampus Politeknik Sandakan Sabah telah dilaksanakan. Unit Peperiksaan diwakili oleh Ketua Unit Peperiksaan iaitu Encik Mohd Adam Nashriq bin Bani Yamin telah menyampaikan taklimat tersebut semasa Sesi Minggu Suai Kenal (MSK) bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Sandakan Sabah. Pelajar didedahkan dengan tugasan dan tanggungjawab yang akan dilaksanakan oleh Unit Peperiksaan pada setiap sesi pengajian pelajar sehinggalah mereka bergraduat selepas tamat latihan industri pada semester 6. Para pelajar juga dimaklumkan mengenai kepentingan *Graduate On Time* (GOT) yang menjadi KPI utama Unit Peperiksaan. Semoga dengan adanya taklimat dan perkongsian maklumat ini, pelajar akan dapat merancang dan mempunyai *target* untuk mencapai keputusan yang cemerlang serta menamatkan pengajian di Politeknik Sandakan Sabah dengan jayanya.



PELAJAR PSS HADAPI PEPERIKSAAN AKHIR DENGAN PENUH HARAPAN DAN TEKAD

Oleh : Supiah binti Badarodin - 10 – 26 Mei 2025

Peperiksaan Akhir Sesi II : 2024/2025 telah dilaksanakan di Politeknik Sandakan Sabah. Sebanyak 28 kursus terlibat dalam sesi penilaian akhir. Terdapat 3 dewan peperiksaan yang telah digunakan bagi pelaksanaan peperiksaan akhir iaitu Dewan Peperiksaan JAB, Dewan Peperiksaan JPA dan Dewan Peperiksaan JMSK untuk menempatkan calon-calon peperiksaan dalam satu masa.

Sebelum peperiksaan akhir dijalankan Unit Peperiksaan bertanggungjawab untuk menyusun atur dan menguruskan proses-proses sebelum, semasa dan selepas peperiksaan. Satu taklimat pengawasan peperiksaan akhir telah dilaksanakan dan di sampaikan oleh Encik Mohd Adam Nashriq bin Bani Yamin yang merupakan Ketua Unit Peperiksaan kepada pengawas-pengawas peperiksaan yang dilantik.

Pelaksanaan peperiksaan akhir ini dapat mengesan tahap penguasaan dan kefahaman pelajar, mengenal pasti kekuatan dan kelemahan pelajar serta mempertingkatkan lagi mutu pembelajaran dan pengajaran. Semoga semua pelajar Politeknik Sandakan Sabah memperoleh keputusan yang cemerlang dan mendapat Anugerah Ketua Jabatan (AKJ) pada semester tersebut seterusnya meningkatkan lagi prestasi akademik masing-masing.



















WARDEN & JPKK BERSATU: JAYAKAN TAKLIMAT KAMSIS

Oleh : Nur Ismayanti binti Ismail - 4 Februari 2025

Satu taklimat kamsis bagi pelajar asrama lelaki telah disampaikan oleh En Tony Ontok selaku Ketua Warden mengenai peraturan dan etika mendiami asrama. Taklimat ini juga telah dihadiri oleh tiga warden lelaki yg lain iaitu En Azhar bin Ambo, En Muhammad Shukri bin Mohd Yusof dan En Hafizzie bin Hajini. Sejurus taklimat tamat, sesi penyerahan kad matriks kamsis juga telah dilaksanakan khusus bagi pelajar asrama lelaki dan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) mengikut aras masing-masing.



Taklimat kamsis bagi pelajar asrama perempuan juga telah dilakukan pada 11 Feb 2025 bertempat di Dewan Kuliah Utama, Politeknik Sandakan Sabah. Taklimat tersebut telah disampaikan oleh En Tony Ontok, merangkap Ketua Warden di PSS dan dihadiri oleh Puan Nazatul Syafinaz Binti Jafery yang merupakan salah seorang warden di asrama perempuan. Penyerahan kad matriks kamsis juga telah dilakukan sejurus taklimat tamat dan telah dikendalikan oleh Jawatankuasa Pelajar Kolej Kediaman (JPKK) perempuan mengikut aras masing-masing.











MAJLIS PENYERAHAN PERALATAN ICT PSS KEPADA SEKOLAH DAN AGENSI

Oleh : Erdah binti Samino - 20 Mei 2025

Pada Mei 2025, Politeknik Sandakan Sabah (PSS) telah menerima sebanyak 538 unit peralatan ICT (Workstation, desktop, komputer riba dan pencetak) di bawah kontrak sewaan, bagi menggantikan peralatan ICT sedia ada berstatus aset yang berusia 13 tahun. Atas inisiatif pengurusan PSS, dicadangkan aset ini diberikan kepada sekolah-sekolah dan agensi yang memerlukan komputer. Sebanyak 260 unit dari aset yang ada, PSS telah membuat sumbangan melalui kaedah pindahan aset ke agensi dan sekolah yang memerlukan. Majlis penyerahan peralatan pindahan aset telah berlangsung pada 20 Mei 2025. Antara agensi dan sekolah yang menerima adalah seperti berikut:

1. Pejabat Pendidikan Daerah Sandakan (PPD) : 70 unit
2. SK Bambangan Sandakan : 30 unit
3. SK Batu Putih Baru Sandakan : 15 unit
4. SK Sukau Sandakan : 20 unit
5. SK Karamunting Sandakan : 20 unit
6. SK Sungai Padas Sandakan : 10 unit
7. SK Sungai Manila Sandakan : 15 unit
8. SMK Keningau II, Keningau : 10 unit
9. SMK Merotai Besar, Tawau : 10 unit
10. SMK Tawau, Tawau : 10 Unit
11. Bahagian Siasatan & Penguatkuasaan Trafik, IPD Sandakan : 20 unit
12. Pasukan Gerakan Am, Batalion 15 Sandakan : 10 unit









POLITEKNIK SANDAKAN SABAH TINGKATKAN KESELAMATAN KAMPUS MELALUI PENGGANTIAN CCTV


Oleh : Erdah binti Samino - 26 Mei - 02 Jun 2025

Politeknik Sandakan Sabah, telah melaksanakan penggantian kamera litar tertutup (CCTV) yang telah berusia 13 tahun yang bermula dari 26 Mei sehingga 2 Jun 2025. Sebanyak 64 unit dari 80 unit cctv telah diganti dengan jumlah peruntukkan yang diberikan. Kerja-kerja penggantian dan pertukaran ini telah dilaksanakan oleh syarikat yang dilantik iaitu Ikhwanis Enterprise. Berikut adalah lokasi yang terlibat dengan pertukaran cctv.



1. Blok 1 : Pentadbiran dan kewangan, stor
2. Blok 1 : Perpustakaan, UJK
3. Blok 2 : UPEP, UIDM, UICT
4. Blok 2 : Makmal bahasa 1,2,3
5. Blok 2 : Makmal RKKP 1,2,3,4 dan dewan JMSK
6. Blok 2 : Makmal GIS JAB
7. Blok 2 :Jabatan Pengajian Am
8. Blok 2 : Jabatan Matematik, Sains dan Komputer
9. Blok 11 : Jabatan Agroteknologi & Bio-industi
10. Blok 19 : Hatceri
11. Blok 39 : Pondok Pengawal









PENYAMPAIAN ANUGERAH SKT E-LEARNING 2024

Oleh : Samsur bin Nongkang - 06 - 08 Mei 2025



Pada 6-8 Mei 2025, Pegawai e-Pembelajaran PSS, En. Muhammad Shukri Bin Mohd Yusof telah menghadiri Mesyuarat Pegawai Pembelajaran Digital Politeknik Malaysia 2025 yang bertempat di Hotel Mercure Trion, Kuala Lumpur. Mesyuarat ini bertujuan untuk meraikan kejayaan pencapaian e-Pembelajaran POLYCC tahun 2024. Politeknik Sandakan Sabah telah mencapai status cemerlang dalam memenuhi Sasaran Kerja Tahunan yang telah ditetapkan oleh Bahagian Instruksional Dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK)

PROGRAM PENINGKATAN KEMAHIRAN PENGEDITAN VIDEO BERKONSEPKAN GENERATIF AI

Oleh : Samsur bin Nongkang - 27 - 29 Mei 2025

Pada 27-29 Mei 2025, Pegawai Multimedia dan Sumber PSS, En. Mohd Hafizzie Bin Hajini telah menghadiri Bengkel Pengeditan Video Berkonsepkan Generatif AI yang bertempat di Hotel Silka Maytower, Kuala Lumpur. Bengkel ini bertujuan untuk menambah lagi kemahiran Pegawai Multimedia dan Sumber Politeknik dalam menghasilkan video AI pada masa yang akan datang. Bengkel ini adalah anjuran bersama Bahagian Instruksional Dan Pembelajaran Digital, Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) dan Politeknik Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.









PENINGKATAN KOMPETENSI TVET AKUAKULTUR MELALUI KURSUS TEKNIKAL DAN INOVATIF ANJURAN CENTRE OF AQUACULTURE TECHNOLOGY (COAT)

Oleh : Mohamad Azri bin Mohammad, Siti Norisikin binti Abas,
Hazza Roshada binti Ramli

Unit Centre of Aquaculture Technology (COAT) merupakan salah satu unit di bawah, Politeknik Sandakan Sabah yang berperanan dalam merancang dan melaksanakan aktiviti latihan, pemindahan teknologi serta memperkukuhkan inovasi dalam bidang akuakultur. Seiring dengan aspirasi institusi untuk memperkasakan kebolehpasaran graduan serta menyokong pembangunan industri akuakultur tempatan, COAT telah berjaya menganjurkan sembilan (9) kursus berimpak tinggi sepanjang pertengahan tahun 2025 pelaksanaan program.

Kursus-kursus ini memberi tumpuan kepada pelbagai aspek penting dalam bidang akuakultur seperti teknologi penternakan, penyelidikan, pembuatan produk nilai tambah dan pemasaran digital. Berikut adalah sorotan ringkas setiap kursus yang melibatkan hasil usahasama bersama Jabatan Agroteknologi dan Bio-Industri (JAB), Unit Latihan & Pendidikan Lanjutan (UPLP)serta Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) :



1. Kursus Pembuatan Sabun Berasaskan Produk Akuakultur

Kursus ini memperkenalkan peserta kepada potensi komersial bahan akuakultur seperti kolagen ikan dan minyak ikan dalam penghasilan sabun organik. Peserta diberi pendedahan secara teori dan praktikal mengenai formulasi sabun, proses penghasilan dan pembungkusan produk. Ini memberi peluang kepada peserta untuk menjana pendapatan melalui inovasi produk akuakultur.

2. Kursus Asas Kemahiran Mendeley (Akuakultur)

Fokus kursus ini adalah kepada pengenalan dan penggunaan perisian Mendeley sebagai alat pengurusan sitasi dan bahan rujukan ilmiah. Peserta kursus yang terdiri daripada pelajar dan pensyarah diberi bimbingan dalam mengurus sumber ilmiah secara tersusun dan efisien, seterusnya meningkatkan kualiti penulisan akademik dalam bidang penyelidikan akuakultur.





3. Kursus Pembinaan Data Kajian Akuakultur (Data & Graf)

Kursus ini bertujuan membimbing peserta dalam proses penyusunan dan analisis data kajian menggunakan perisian Microsoft Excel dan kaedah statistik asas. Selain itu, peserta turut mempelajari teknik visualisasi data melalui carta dan graf yang sesuai untuk laporan penyelidikan atau pembentangan ilmiah.

4. Kursus Pembinaan Ikan Air Tawar

Dalam kursus ini, peserta didedahkan kepada asas penternakan ikan air tawar termasuk pemilihan benih, pembinaan sistem ternakan, penyediaan makanan serta pemantauan kesihatan ikan. Kursus turut merangkumi sesi praktikal berkaitan pengendalian kolam dan penjagaan harian ternakan, selaras dengan amalan terbaik dalam industri.

5. Kursus Penghasilan Sabun Berasaskan Akuakultur

Sebagai lanjutan daripada kursus sabun sebelumnya, kursus ini memberi penekanan kepada penghasilan variasi sabun daripada sumber seperti lendir ikan, kulit ikan, dan bahan buangan yang masih bernilai nutrien. Peserta berpeluang menghasilkan sabun dengan formulasi dan identiti jenama tersendiri yang bersesuaian untuk dikomersialkan.

6. Kursus Pembinaan Kolam Konkrit

Kursus ini mendedahkan peserta kepada kaedah pembinaan kolam konkrit secara teknikal, termasuk pengiraan saiz kolam, penyediaan bahan binaan, kerja konkrit dan sistem saliran. Aktiviti praktikal turut dijalankan bagi memberikan pengalaman langsung kepada peserta dalam melaksanakan pembinaan fizikal kolam di tapak.

7. Kursus Pemasaran Digital Akuakultur

Kursus ini menekankan penggunaan platform digital seperti media sosial, e-dagang dan pemasaran kandungan dalam memasarkan produk-produk berasaskan akuakultur. Peserta diajar teknik pemasaran dalam talian, reka bentuk poster promosi, penggunaan aplikasi reka grafik serta kaedah menarik pelanggan melalui pendekatan digital moden.

8. Kursus Pembenihan Ikan Keli Secara Aruhan

Peserta kursus diberi bimbingan tentang teknik pembenihan ikan keli menggunakan kaedah aruhan hormon. Kandungan kursus meliputi pemilihan induk, proses suntikan hormon, pengumpulan dan persenyawaan telur, serta penjagaan benih ikan. Latihan praktikal membolehkan peserta memahami prosedur sebenar secara hands-on.





9. Kursus Asas Teknologi Bioflok

Teknologi bioflok merupakan sistem ternakan ikan yang lebih lestari dan menjimatkan ruang. Kursus ini memperkenalkan konsep asas bioflok termasuk pengurusan mikroorganisma, penyediaan tangki bioflok, pengawalan parameter air, serta pemberian makanan alternatif. Kursus ini membuka peluang kepada peserta untuk meneroka sistem ternakan moden yang berimpak rendah terhadap alam sekitar.

Kejayaan pelaksanaan sembilan kursus ini membuktikan komitmen tinggi Unit Centre of Aquaculture Technology dalam melaksanakan program pembangunan kompetensi teknikal dan keusahawanan berasaskan akuakultur. Kursus-kursus ini tidak hanya memberikan manfaat kepada pelajar politeknik, malah turut menyumbang kepada pembangunan komuniti dan industri akuakultur tempatan melalui pemindahan ilmu dan teknologi secara berkesan. Unit COAT akan terus merancang dan melaksanakan program yang berorientasikan kemahiran tinggi serta menyokong usaha ke arah pembangunan mampan industri akuakultur negara, selaras dengan aspirasi COAT dan hala tuju pendidikan TVET negara.












POLYCC @
Festival






JOM MASUK U ZON SABAH I : PLATFORM ERATKAN HUBUNGAN DAN INFORMASI PENDIDIKAN TINGGI

Oleh : Siti Safiah Madri

Jabatan Pendidikan Politeknik dan Kolej Komuniti (JPPKK) bersama Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah telah diberi kepercayaan sebagai rakan strategik untuk menjayakan program Jom Masuk U (JMU) Zon Sabah I yang berlangsung pada 19 hingga 20 April 2025. Program ini merupakan kali pertama diadakan dengan kerjasama erat institusi-institusi pendidikan tinggi di Sabah, menjadikannya satu acara yang signifikan dalam kalendar pendidikan negara.

Program yang diadakan di Kompleks Sukan Sandakan, Sabah ini bermula dari jam 8.30 pagi hingga 5.00 petang. Ia bertujuan menyediakan platform yang terarah dan fokus kepada bakal-bakal pelajar lepasan sekolah seperti SPM, STPM, STAM, Matrikulasi, serta lepasan IPT lain, termasuk pemegang Diploma Vokasional Malaysia (DVM) dan Diploma Kemahiran Malaysia (DKM/DLKM).













Melalui JMU, para peserta berpeluang mendapatkan maklumat yang komprehensif dan terkini tentang pelbagai pilihan program pengajian yang ditawarkan oleh institusi-institusi pendidikan tinggi di seluruh negara. Ini membantu mereka membuat keputusan yang tepat dan bijak mengenai hala tuju pendidikan selepas tamat persekolahan atau pengajian sedia ada.

Selain daripada memberi fokus kepada aspek pendidikan, penganjuran JMU Zon Sabah I juga turut menekankan tanggungjawab sosial. Penganjuran ini melibatkan penyertaan dan manfaat kepada masyarakat setempat, sekali gus merapatkan jurang antara institusi pendidikan dan komuniti. Usaha ini adalah bukti komitmen berterusan untuk memastikan pendidikan dapat diakses oleh semua lapisan masyarakat, serta memberi impak positif kepada pembangunan sosial dan ekonomi di Sabah.

Jom Masuk U Zon Sabah I bukan sekadar acara pameran pendidikan, tetapi juga menjadi jambatan yang menghubungkan impian masa depan pelajar dengan peluang-peluang yang ada di hadapan.

BINA KEYAKINAN DIRI & CIPTA PELUANG DI BENGKEL PESONA WARNA: SENI MEMILIH WARNA UNTUK KEYAKINAN & PROFESIONALISME

Oleh : Safiah Madri







Unit Komunikasi Korporat (UKK) dengan Kerjasama Unit Latihan dan Pendidikan Lanjutan (ULPL) menganjurkan bengkel Pesona Warna: Seni Memilih Warna untuk keyakinan & Profesionalisme untuk membantu peserta memahami kepentingan imej dan warna dalam dunia profesional.

Bengkel ini akan dikendalikan oleh perunding imej profesional bertauliah, Puan Qistina Amira binti Idris. Beliau juga merupakan pengasas bersama Tona Luna, sebuah syarikat pembangunan imej profesional yang berpangkalan di Sabah.

Bengkel ini berlangsung pada 25 Jun 2025 dari jam 9:00 pagi hingga 3:00 petang. Objektif utamanya adalah untuk membantu peserta mempelajari asas penampilan profesional melalui penjagaan diri, pemilihan warna, dan gaya berpakaian mengikut bentuk badan.
Program ini akan merangkumi tiga bidang utama:

- Pemilihan warna pakaian yang sesuai.
- Asas dandanan diri (grooming) untuk penampilan kemas dan profesional.
- Kesesuaian pakaian mengikut bentuk badan.

Bengkel ini menggunakan pendekatan interaktif dan praktikal untuk memastikan peserta memahami dan mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari dengan berkesan. Semoga bengkel ini membantu kakitangan PSS tampil lebih yakin dan selesa.



BERITA PERKHIDMATAN





TERIMA KASIH

SELAMAT MAJU JAYA

PEGAWAI BERTUKAR KELUAR

Salam perpisahan dan selamat maju jaya kepada staf Politeknik Sandakan yang bertukar keluar. Setinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan atas segala sumbangan dan jasa bakti mereka sepanjang berkhidmat di Politeknik Sandakan Sabah.



DR. ANNAFATMAWATY BINTI ISMAIL



DR. ROSLINA BINTI MAT YAZID



PN. NAWATI BINTI BATJO



EN. MAZLAN BIN ABDUL HAMID

Selamat Datang

PEGAWAI BERTUKAR MASUK




PN. YUSMAH BINTI AG. DAMIT




EN. MOHD DARVIS BIN NANANG



PN. ZAHRINA BINTI AWANG MASRIN



EN. NIKMAEL NIKSON



PN. JESSICA AUGUSTINOS



EN. MUHAMAD AMIRUL AIMAN BIN MOHD AZAM

Selamat Datang

PEGAWAI BERTUKAR MASUK



PN. MARLIAWATI BINTI MARIS



EN. MOHD MIRZA BIN AMIR HAMZA



PN. NG SIOK GIEK



EN. MOHD MIQDAM BIN JUBIDIN



EN. KELTON KAPUSOH



EN. MOHD SHUKRI BIN MAIKIN

Selamat Datang



EN. MOHD SAHRAN @ AWANG BIN MOHIDIN

Pengarah
Politeknik Sandakan Sabah

SUMBANGAN PENULISAN





UJIAN KEBOLEHPERCAYAAN : ASAS KETELITIAN DALAM PENYELIDIKAN

Oleh : Hazza Roshada binti Ramli

Dalam dunia penyelidikan kuantitatif, kebolehpercayaan merujuk kepada tahap konsistensi atau kestabilan sesuatu alat ukur apabila digunakan berulang kali dalam keadaan yang sama. Dengan kata lain, satu instrumen yang boleh dipercayai akan menghasilkan keputusan yang hampir serupa setiap kali digunakan.

Kebolehpercayaan merujuk kepada tahap konsistensi sesuatu instrumen pengukuran. Sekiranya satu soal selidik diberikan kepada responden yang sama pada masa yang berbeza, instrumen yang boleh dipercayai akan memberikan hasil yang hampir sama. Dalam konteks kajian pengguna, ini bermakna soalan-soalan dalam borang soal selidik mestilah berfungsi secara seragam untuk semua responden.

Cronbach's Alpha: Ujian Konsistensi Dalaman Paling Popular

Dalam kajian pengguna, soalan sering disusun dalam bentuk skala Likert (contoh: 1 = Sangat Tidak Setuju hingga 5 = Sangat Setuju). Untuk menilai konsistensi dalaman bagi sekumpulan item yang mengukur konstruk yang sama (contohnya, kepuasan pelanggan), kaedah yang paling lazim digunakan ialah:

Cronbach's Alpha (α)

Nilai α berada antara 0 hingga 1. Penilaian umum adalah seperti berikut:

Nilai α	Tahap Kebolehpercayaan
> 0.90	Sangat Baik
0.80 – 0.89	Baik
0.70 – 0.79	Menerima
< 0.70	Perlu Penambahbaikan

Mengapa Ujian Kebolehpercayaan Penting?

Instrumen yang tidak boleh dipercayai akan menghasilkan data yang mengelirukan, menyebabkan kesimpulan kajian menjadi lemah atau tidak sah. Oleh itu, ujian kebolehpercayaan bukan sekadar langkah statistik, tetapi satu keperluan etika dalam penyelidikan ilmiah. Ia mencerminkan tahap profesionalisme penyelidik dalam memastikan integriti data yang dikutip.

Kesimpulan

Dalam dunia penyelidikan, "Data yang baik bermula dengan alat ukur yang kukuh." Kebolehpercayaan adalah asas kepada semua analisis statistik yang tepat dan bermakna. Oleh itu, penyelidik harus memastikan instrumen mereka diuji dan disahkan sebelum digunakan secara meluas. Pemahaman mendalam mengenai kaedah dan aplikasi ujian kebolehpercayaan perlu dijadikan amalan standard dalam setiap fasa reka bentuk penyelidikan.



HIMPUNAN PANTUN TUAN MOHD SANI BIN SAID
MANTAN PENGARAH POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
SEPANJANG BERTUGAS

16 FEBRUARI 2023 - 21 MEI 2025

Oleh : Mohd Sani bin Said

Sungguh menawan Bandar Sandakan
Tempat tumpuan udang dan ikan
Kehadiran tuan amat dialukan
Sebagai panduan kami yang memerlukan

Perhimpunan Bulanan : Lawatan Kerja Dr. Zamzam BK & Ceramah SPRM
14 Ogos 2023

Mega berarak indah berseri
Dipuput bayu ke pohon ara
Pemanis kalam selamat datang
Awal bismillah pembuka bicara

Atas dahan burung tempua
Melihat rusa tepi perigi
Salam perpisahan untuk semua
Lain masa bersua lagi

PolyCC Technology Challenge @ Sabah
17 Ogos 2023

Mencari kerdah di dalam hutan
Jumpa bayam itik dijadikan silihan
Selesai sudah majlis sambutan
Apa yang baik jadikan pedoman

Penutupan Bulan Kemerdekaan, Hari Malaysia & Festival Kebudayaan
13 Oktober 2023

Jumpa kawan atas titi
Tengok tuan puan senang hati

Puyuh berkek-kek tercabut gigi
Mengadu nasib ke sana sini
Jaguh akademik disanjung tinggi
Pemacu pemangkin Malaysia Madani

Hari Akademia PSS
31 Oktober 2023

Batang Ai Long Bawang Sarikei dan Song
Lokasi pedalaman kami dibawa
AI dibawa oleh Revolusi 4.0 (Empat point Kosong)
Bantu mudahkan urusan semua

Kursus 4IR: IoT Mastering for Agri-Aquaculture
10 November 2023

Dari Nenasi pergi ke Nilai
Singgah di Muar beli minyak wangi
Bagi sampaikan hadiah si-dia
Hasil inovasi telah pun dinilai
Kerjasama semua amat disanjungi
Demi pastikan kecemerlangan di mata dunia

IREX
7 Disember 2023

Si dara cekap bermain cak lempong
Untuk hiburan si-dia yang disayangi
PSS tempat kita berkampung
Kedatangan tuan puan kami sanjungi

Dari Indragiri kita ke Dima
Pindang Bukit Tinggi pilihan makanan
Tiga hari kita bersama-sama
Pulang nanti sebarkan pengalaman

Road to PolyCC
14 Januari 2024

Kerang sama udang kara tidak dilupa
Untuk doa selamat di Kampung Tabanak
Kehadiran semua para ibu bapa
Penyuntik semangat semua anak-anak

Teh secawan sudah memadai
Pembasuh kerongkongan bermain sukan
Doa tuan puan amat dihargai
Demi kelangsungan kejayaan yang diusahakan

Taklimat Ibubapa Hari Pendaftaran Pelajar Baru
29 Januari 2024

Pohon berangan tempat bertemu
Girangnya rasa si anak dara
Baliklah tuan membawa ilmu
Binalah bangsa, bangunkan negara

Program Ekspo Kerjaya TVET PSS 1.0 2024
16 Mei 2024

Sungguh indah bunga kemboja
Di bawah atap tepi halaman
Juadah sudah letak di meja
Sudilah santap tuan budiman

Majlis Makan Malam Apresiasi Dengan YBTM Mustapha
16 Mei 2024 (Malam)
(Kredit: Urusetia)

Sangkut dalam lumpur, lupa bawa tali
Kereta ditinggalkan, jalan kaki ke Kalabakan
Setahun bertempur, beri yang terbaik pada poli
Atur strategi tahun depan, PSS Terbaik kita kekalkan!

Perhimpunan Staf & Sukan Tradisional PSS
12 Disember 2024

Cantik juga, rupa si dia
Nak ditegur, takut berpunya
Bersama keluarga, kita beraya
Di Poli juga, terasa vibenya

Havoc Raya PSS 2025
22 April 2025

Sungai Sengget, banyak buaya
Berendam jangan, mandi pun elakkan
Perkongsian aset, amalan mulia
Memperkukuh hubungan, mempercekap urusan

Majlis Penyerahan Komputer kepada Sekolah & Agensi Kerajaan
20 Mei 2025

Kayu meranti kayu sugi
Kayu berangan baunya wangi
Berat hati melangkah pergi
Berpisah dengan warga disayangi

Memandu cermat dari Taman Permata
Kesesakan yang ada dirasai bimbang
35 tahun berkhidmat bagai sekelip mata
Tibalah generasi muda menawan gelombang

Perhimpunan Staf
20 Mei 2025

A Poem About Motherhood

Aku bukan insan berpangkat tinggi,
Tiada gelar di hujung nama ini.
Namun tiap pagi aku berdiri,
Menjadi nadi rumah yang berseri.

Tanganku sibuk tanpa henti,
Dari menyapu hingga memasak nasi.
Anak menangis, baju perlu dilipat,
Semua kuurus tanpa sebarang syarat.

Aku bukan penjawat di menara kaca,
Tapi aku pendidik pertama si kecil.
Dengan cerita dan pelukan mesra,
Aku tanam nilai, cinta dan bahasa.

Kadang hatiku lelah tak terungkap,
Sunyi datang bila tiada yang menyahut.
Namun senyum suami dan anak tersayang,
Ubat segala rasa yang datang menyerang.

Aku bukan wanita yang kau lihat di kaca TV,
Tapi aku ratu di istana hati ini.
Walau penat dan tak selalu sempurna,
Aku bangga menjadi ibu dan penjaga.

Rumah ini mungkin kecil sederhana,
Tapi penuh cinta dan doa yang membara.
Aku ibu rumah tangga yang tak ternilai harganya,
Dengan cinta, aku bangunkan dunia.

oleh LAURA JANE JUSTINE

Masih

Sakitnya tidak berdarah,
Tak nampak luka,
Namun pedihnya amat terasa.

Sakitnya tiada sudah,
Luka tersenyum, luaran nampak indah,
Dalam bergelora, jiwa rasa lelahnya.

MeLangkah kaki bergetar,
Bernafas rasa sukar,
Menangis dalam diam, ketawa makin pudar.

Katamu tajam, senyumku palsu,
Parutnya dia ada di situ,
Jangan membisu, bicaramu perlu,
Kita da jatuh,
Tapi jangan hilang arah tuju,
Sakit ini bukan noktah,
Jiwa ini perlu tabah.

Masih ada tangan terbuka,
Masih perlu berlapang dada,
Masih hati terus berdoa,
Masih ada rasa cinta.

Aku masih perlukanmu,
Kau masih perlukan ku,
Permata perlukan kau dan aku,
Kita perlu saling membantu.

Moga ujian yang menyapa,
Harapan menyinar rupa,
Dari luka, lahir hati yang tabah,
Aku percaya... masih ada bahagia.

oleh CNMRara

Pantun 2 Kerat


Belajar rajin siang dan malam,
Cita-cita pasti tercapai dalam.

Pagi belajar petang mengaji,
Ilmu dituntut tiada rugi.

Buku dibuka janganlah malas,
Ilmu bekalan sepanjang nafas.

Ke sekolah membawa bekal,
Ilmu ditimba tiada yang nak gagal.

oleh LAURA JANE JUSTINE



KOLEKSI KERATAN AKHBAR





KOLEKSI KERATAN AKBAR
POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

Dailyexpress thursday,february 20,2025

8 | Local

S'kan poly wins Best Product Award

Mardinah Jikur

SANDAKAN: Politeknik Sandakan Sabah (PSS) won the Best Product Award at the The Apprentice PolyCC Product Challenge during the three-day Technical and Vocational Education and Training (TVET) Carnival at Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS) in Arau, Perlis, recently.

The event was organised by the Student Recruitment and Development Division (BAPP), Department of Polytechnic and Community College Education (JPPKK), through the Entrepreneurship Unit at PTSS.

PSS showcased four innovative products that demonstrated their commitment to quality and creativity — High Fibre Cookies under the supervision of their lecturer, Ts. Nurul Safeza; Instant Creamy Scallop Soup and Fish Choc Chip Cookies under the guidance of Asmahani Asmara, and Shrimpzest Premix Powder under the guidance of Fazilah.

This achievement is a recognition of the efforts and innovations displayed by the PSS community, especially the lecturers and students involved.



PSS students posing with their prizes.

It also highlighted PSS's commitment to fostering an entrepreneurial culture among students.

Some 27 Polytechnics and Community Colleges from across Malaysia competed in the carnival.

PSS, located in Sandakan Education Hub, is a higher education institution under the Higher Education Ministry, offering Diploma in Agrotechnology and Diploma in Aquaculture Technology programmes. It is also the only polytechnic in Borneo offering these two programmes.

DAILYEXPRESS, FEBRUARY 20, 2025

S'KAN POLY WINS BEST PRODUCT AWARD

Smart Community programme for students, community in S'kan

Winnie Kasmir

SANDAKAN: The Smart Community programme of Kampung Bambangan, themed "Understanding the 4IR Basics in Agriculture," was recently held in Kampung Bambangan, Sandakan.

Organised by the Department of Mathematics, Science, and Computer at Sandakan Polytechnic (PSS), it was held in collaboration with its industry partner, Wild Asia Sdn. Bhd.

The programme involved the Kampung Bambangan community and students from Sekolah Kebangsaan Bambangan, Sandakan.

Among the activities conducted were the preparation of Bio-Juice Enzyme for the Kampung Bambangan community, robotics and automation activities for primary school students, and an Internet of Things (IoT) course for secondary school students.

Speaking at the event, the Director of Sandakan Polytechnic, Mohd Sani Said, stated that the initiative would increase students' interest in science and technology while educating and inspiring the community to adopt sustainable agricultural practises.

"For example, the Bio-Juice enzyme preparation activity is designed to educate and inspire the local community to practise sustainable agriculture.

"For the students, the activities are aimed at enhancing their interest in science and technology while helping them understand basic concepts that will be useful in their future learning," he said.

This programme provided an opportunity for the community and students to enhance their knowledge and application of Science, Technology, and Innovation (STI).

It also aimed to address community issues through the application of STI.

Mohd Sani also emphasised that the collaboration between the higher education institution, the State Education Department, and Wild Asia Sdn. Bhd. is expected to have a significant impact on the community, particularly in rural areas.

Also present at the event were the Headmistress of SK Bambangan, Abdah Sudin; the Head of Kampung Bambangan, Awang Ahmad; Technical Executive of Wild Asia, Verra Gulitah; and Field Officer of Wild Asia Sdn. Bhd., Syahirwan Saharuddin.



A group photo at the event.

DAILYEXPRESS, 21 APRIL 2025

SMART COMMUNITY PROGRAMME FOR STUDENTS, COMMUNITY IN S'KAN



Yusof. – Bernama

Teknologi AI antara tumpuan Pelan Pendidikan Malaysia 10-tahun

Mardinah Jikur

SANDAKAN: Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) akan melancarkan Pelan Pendidikan Tinggi Malaysia untuk 10 tahun ke depan bermula tahun ini.

Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Mustapha Sakmud berkata, antara yang menjadi tumpuan ialah teknologi baharu iaitu kecerdasan buatan (AI).

"Kita memang tidak lari daripada melihat perkembangan teknologi semasa.

"Justeru, dalam pelan itu, kita juga akan melihat mengenai teknologi AI agar ia terus seiring dengan teknologi semasa," jelasnya.

Dalam perkembangan sama, pihaknya juga menyarankan pelajar bijak memilih bidang pengajian tinggi yang menjamin masa depan mereka semasa mengisi mengisi Sistem Permohonan Kemasukan Pelajar dalam talian (UPU Online).

"Ini termasuk melihat kebolehpasaran seperti bidang Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan bidang pengajian berkaitan yang mampu memberi pulangan pekerjaan kelak," jelasnya.

Beliau berkata demikian pada sidang media sejurus merasmikan Karnival Jom Masuk U 2025 Zon Sabah 1 di Kompleks Sukan Sandakan, pada Sabtu.

Hadir sama, Ketua Pengarah Politeknik dan Kolej Komuniti, Datuk Mohd Zahari Ismail, Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (Akademik dan Penyelidikan) Jabatan Pendidikan Tinggi, Dr Zainal Amin Ayub, Ketua Penolong Pengarah Kanan Bahagian Pengambilan Pelajar IPTA, Rudy Adrie Idris dan Rektor Universiti Teknologi Mara (UiTM) Cawangan Sabah, Prof Madya Dr Rozita @ Uji Mohammed.

Karnival Jom Masuk U 2025 (JMU 2025) Zon 1 Sandakan merupakan siri jelajah ke sembilan zon seluruh negara bermula 19 April sehingga 18 Mei depan, bermula di dua zon iaitu Sandakan dan Kuala Nerus, Terengganu.

JMU 2025 yang dianjurkan KPT ini juga merupakan antara inisiatif utama KPT dalam memperluas akses pendidikan tinggi kepada pelajar seluruh negara, terutamanya lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM) dan setaraf.

Karnival ini turut menjadi platform penting untuk menyampaikan maklumat berkaitan laluan pendidikan tinggi secara langsung dan menyeluruh kepada bakal mahasiswa.

Dalam perkembangan sama, Mustapha berkata KPT tidak mahu ada pelajar dari Sabah dan seluruh negara ini tercicir melanjutkan pengajian tinggi kerana masalah kewangan keluarga.

Jelasnya, bantuan seperti wang pendahuluan bayaran yuran masuk pengajian tinggi awam khas untuk golongan B40 juga disediakan oleh pihak Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), yang boleh dimohon semasa mengisi UPU, selain bantuan zakat dan biasiswa.

Ia sekali gus membolehkan yuran pendaftaran dibayar atau ditangguhkan sementara menunggu permohonan bayaran itu masuk.

"Kita juga menggalakkan anak-anak terus belajar ke pengajian tinggi selepas SPM dan STPM kerana pelajaran mampu mengubah nasib keluarga dan diri mereka," jelasnya.

Politeknik dan Kolej Komuniti dan yang lain juga sentiasa menyediakan peluang pendidikan yang terbaik untuk permulaan kepada mereka sebelum mereka melanjutkan ke peringkat lebih tinggi lagi.

Lihat muka 2

HARIAN EKSPRESS, 20 APRL 2025

SMART COMMUNITY PROGRAMME FOR STUDENTS, COMMUNITY IN S'KAN



Usaha bantu 300,000 pelajar tidak lanjut pengajian kerana pandemik

Dari muka depan

Mengenai isu 300,000 anak-anak tidak melanjutkan pengajian kerana situasi semasa ketika pandemik Covid-19, Mustapha berkata KPT sehingga kini terus berusaha memastikan mereka melanjutkan pengajian tinggi, yang mampu menjamin masa depan mereka dengan bidang pengajian yang ditawarkan sesuai pasaran semasa.

Terdahulu, berucap pada majlis itu, Zahari berkata, Program Jom Masuk U 2025 ini bukan sahaja satu pameran pendidikan tinggi, namun ia adalah peluang untuk memilih laluan pengajian tinggi pada masa akan datang.

"Setiap institusi yang sama-sama menjayakan Program Jom Masuk U 2025 - Zon Sabah 1, sama ada universiti awam dan swasta, politeknik atau kolej komuniti adalah berada di bawah satu payung dan matlamat yang sama iaitu memberi maklumat kepada anak-anak mengenai peluang pendidikan yang ada," jelasnya.

Terdapat 20 universiti awam (UA), 384 institusi pendidikan tinggi swasta (IPTS), 36 politeknik dan 106 kolej komuniti di seluruh Malaysia.

Bagi Zon Sabah sahaja, terdapat tiga politeknik dan sembilan kolej komuniti.

"Peluang ini harus direbut oleh semua."

HARIAN EKSPRESS, 20 APRL 2025

USAHA BANTU 300,000 PELAJAR TIDAK LANJUT PENGAJIAN KERANA PANDEMIK



Produk inovatif PSS raih anugerah dalam pertandingan TVET di Perlis

Mardinah Jikur

SANDAKAN: Politeknik Sandakan Sabah (PSS) meraih Anugerah The Best Product di The Apprentice PolyCC Product Challenge pada Program Karnival Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) selama tiga hari di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin (PTSS), Arau, Perlis, baru-baru ini.

PSS menampilkan empat produk inovatif yang membuktikan komitmen mereka terhadap kualiti dan kreativiti iaitu High Fibre Cookies di bawah seliaan pensyarah mereka, Ts. Nurul Safeza, Instant Creamy Scallop Soup di bawah seliaan Asmahani Asmara, Fish Choc Chip Cookies juga di bawah seliaan Asmahani dan Shrimpzest Premix Powder di bawah seliaan, Fazilah.

Kejayaan itu mengiktiraf usaha dan inovasi warga PSS, khususnya pensyarah dan pelajar yang terlibat, selain membuktikan komitmen PSS dalam memupuk budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar.

Sebanyak 27 Politeknik dan Kolej Komuniti dari seluruh negara berentap dalam pertandingan itu/PSS yang terletak di Hab Pendidikan Sandakan merupakan institusi pengajian tinggi di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi yang menawarkan program Diploma Agroteknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur.

Ia juga adalah satu-satunya Politeknik di Borneo yang menawarkan Program Diploma Agroteknologi dan Diploma Teknologi Akuakultur.

HARIANEKSPRES, 20 FEBRUARI 2025

PRODUK INOVATIF PSS RAIH ANUGERAH DALAM PERTANDINGAN TVET DI PERLIS

KOLEKSI BERITA ONLINE
POLITEKNIK SANDAKAN SABAH



ANAK SABAH PERTAMA TERAJUI POLITEKNIK SANDAKAN SABAH

6 JUNE 2025 / TALANTANG

Sabah News Portal Online



ANAK JATI SABAH PERTAMA TERAJUI POLITEKNIK SANDAKAN

JUNE 7, 2025 / SABAH MEDIA



HISTORIC APPOINTMENT: FIRST SABAHAN TO LEAD SANDAKAN POLYTECHNIC

JUNE 7, 2025 / THE BORNEO POST ONLINE

LENSA PSS










FAKULTI




PROGRAM MADANI RAKYAT
(PMR) SABAH 2025
RM35,900.00


POLITEKNIK SANDAKAN SABAH




POLITEKNIK SANDAKAN SABAH






Perlepasan Antarabangsa
International Departures


PLOR
POLYCC








SCAN ME




Majlis Penyampaian


Majlis Penyampaian
Anugerah Buku Terbaik
Premier Sarawak
disempurnakan oleh
YANG AMAT BERHORMAT
JABATAN PENERANGAN



Anugerah Buku Terbaik
Premier Sarawak
(TERBITAN DBP)
EMPURAU: IKAN EKSOTIK SARAWAK
RM8000.00








KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI















Terima Kasih

Senarai Penulis & Penyumbang
Artikel & Karya Penulisan

NIK SALWANI BINTI NIK YUSOFF
LAURA JANE JUSTIN
JANILYN BINTI SALCEDO
HAZZA ROSHADA BINTI RAMLI
AKMAL HAZREEN FIZREE BIN JAMALUDIN
MUAZ BAIHAQI BIN MUSTAPHA
MUHD SYUKRI BIN SAMSURI
FAIZ AIMAN BIN MOHAMAD
TS. NORINA BINTI YADIN
RAMLAH BINTI AWALUDDIN
MOHD SANI BIN SAID

POLITEKNIK SANDAKAN SABAH
EDUCATION HUB, BATU 10,
JALAN SUNGAI BATANG,
90000 SANDAKAN
SABAH

Tel : 089-228351
Faks : 089-228325
https://pss.mypolycc.edu.my